

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

4

LAPORAN EKONOMI
2005/2006

Tinjauan

Dasar monetari yang lebih fleksibel serta sistem kewangan dan perbankan yang teguh...

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi pada 2005, dengan kadar dasar semalaman (OPR) tidak berubah sejak diperkenalkan pada April 2004. Kadar faedah rendah dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan telah menyokong pengembangan aktiviti perniagaan dan penggunaan. Walau bagaimanapun, mengekalkan dasar monetari akomodatif telah menjadi semakin mencabar terutamanya dengan harga minyak mentah yang meningkat ketara serta kenaikan kadar faedah secara beransur di beberapa negara perindustrian utama dan serantau. Tekanan inflasi telah mencecah paras tertinggi dalam tempoh enam tahun disebabkan oleh peningkatan harga minyak mentah, sementara perbezaan kadar faedah semakin melebar berbanding kadar faedah domestik. Namun begitu, kenaikan kadar inflasi telah diimbangi oleh peningkatan produktiviti dan pengembangan kapasiti. Mengenai perubahan arah aliran kadar faedah, terutamanya di Amerika Syarikat (AS), peningkatannya telah dilaksanakan secara beransur dan yang paling penting, dasar monetarinya masih terus menyokong pertumbuhan. Pada peringkat domestik, asas ekonomi negara yang kukuh terus memberikan fleksibiliti bagi pelaksanaan dasar monetari yang akomodatif.

Satu perkembangan penting pada tahun 2005 ialah pemansuhan sistem tambatan ringgit kepada dolar AS yang dilaksanakan sejak tujuh tahun lalu kepada sistem apungan terurus, berkuatkuasa 21 Julai 2005. Pemansuhan sistem tambatan ringgit dilaksanakan daripada kedudukan yang teguh, terutamanya pertumbuhan ekonomi yang mantap, rizab antarabangsa yang meningkat, lebihan akaun semasa yang berterusan serta sistem perbankan yang kukuh. Selain itu, nilai ringgit yang semakin kukuh juga dijangka akan dapat mengimbangi kesan tekanan inflasi yang meningkat berikutan beberapa pelarasan harga, termasuk barangan petroleum serta barangan import. Objektif utama dasar tukaran asing kekal untuk menggalakkan kestabilan bagi menyokong aktiviti ekonomi.

Sistem perbankan kekal sebagai penggerak utama dana dalam ekonomi untuk menyokong keperluan pembiayaan yang tinggi dari sektor isi rumah dan perniagaan. Walaupun sektor isi rumah terus mendominasi pinjaman bank sejak krisis kewangan, jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan telah mencatatkan pertumbuhan positif sejak Disember 2004. Ini mencerminkan pemulihan dalam pelaburan swasta serta mengukuhkan kedudukan sektor swasta sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi. Satu perkembangan penting adalah peningkatan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sehingga mencakupi 41.8% daripada jumlah pinjaman kepada sektor perniagaan

berikutan inisiatif yang diambil sejak beberapa tahun untuk meningkatkan sumbangan ekonomi dan daya saing PKS, terutamanya akses PKS kepada pembiayaan.

Sementara itu, penstrukturan semula sektor kewangan di Malaysia telah berjaya diselesaikan berikutan penebusan terakhir bon Danaharta pada Mac 2005 dengan operasi Danaharta dijangka tamat menjelang akhir tahun ini. Langkah yang dilaksanakan selama ini untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan institusi perbankan domestik, terutamanya melalui langkah penggabungan dan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah menghasilkan perkembangan yang positif. Sektor perbankan kekal teguh dengan asas modal yang kukuh serta nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang rendah, di samping tahap kecekapan dan daya saing yang bertambah baik.

Sistem kewangan yang bertambah kukuh juga membolehkan Malaysia memperluaskan lagi liberalisasi dalam sektor kewangan dan peraturan pentadbiran tukaran asing. Had pegangan ekuiti asing telah dinaikkan daripada 30% kepada 49% untuk bank pelaburan, subsidiari Islam dan entiti takaful bagi menggalakkan persaingan serta mewujudkan sinergi yang tinggi di samping meningkatkan integrasi entiti kewangan tempatan ke dalam lanskap kewangan global. Langkah liberalisasi yang penting untuk membenarkan bank pembangunan pelbagai hala dan institusi kewangan pelbagai hala menerbitkan bon ringgit telah menyaksikan tiga institusi supranasional menerbitkan RM1,660 juta bon ringgit di Malaysia, mencerminkan keyakinan terhadap pasaran modal tempatan. Sementara itu, batasan penyertaan asing juga telah dimansuhkan bagi industri broker saham, broker niaga hadapan, pengurusan dana dan modal teroka.

Malaysia juga sedang berkembang kukuh untuk muncul sebagai hub perkhidmatan kewangan Islam berikutan kelulusan kepada tiga institusi kewangan asing untuk menjalankan operasi perbankan Islam di Malaysia serta penukaran jendela perbankan Islam di enam bank tempatan kepada subsidiari Islam. Industri takaful juga akan berkembang dengan jangkaan kemasukan empat lagi peserta baru.

Pasaran bon kekal sebagai sumber penting pembiayaan ekonomi dengan jumlah terkumpul sekuriti hutang swasta (PDS) menyumbang 37.3% daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir Julai 2005. Pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan melalui terbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman merupakan perkembangan penting bagi pasaran bon tempatan. Terbitan ini bukan sahaja memperkenalkan kelas aset yang baru untuk pasaran bon tetapi juga memudahkan Kerajaan membuat perancangan kewangan dengan lebih berkesan. Satu lagi perkembangan penting telah dicapai melalui penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman mengikut prinsip Islam yang pertama di dunia terhadap pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Pasaran ekuiti juga aktif dengan urus niaga dan tawaran awal permulaan (IPO) yang lebih tinggi, mencerminkan kepentingannya sebagai satu sumber pembiayaan. Pengenalan instrumen pelaburan baru seperti *Exchange Traded Funds* (ETF) dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) telah memperdalam dan memperluaskan pasaran modal tempatan di samping memberikan pilihan peluang pelaburan kepada para pelabur.

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal akomodatif...

Dasar monetari kekal akomodatif pada 2005 bagi tahun kelapan sejak krisis kewangan Asia 1997 untuk menyokong aktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, meneruskan dasar monetari akomodatif kini lebih mencabar berikutan peningkatan tekanan inflasi akibat kenaikan harga minyak mentah dan perbezaan kadar faedah yang semakin melebar. Indeks Harga Pengguna (IHP) telah mencecah paras 3.7% pada Ogos 2005 iaitu kadar inflasi yang tertinggi sejak 1999. Peningkatan kadar inflasi disebabkan faktor tolakan kos tetapi ianya telah diimbangi dengan peningkatan produktiviti buruh, pengembangan kapasiti serta nilai ringgit yang lebih kukuh.

Dengan mudah tunai yang mencukupi dalam sektor kewangan, kadar faedah kekal rendah dan stabil untuk menyokong aktiviti ekonomi dan

penggunaan. OPR Bank Negara Malaysia (BNM) masih kekal pada kadar 2.70% sejak diperkenalkan pada April 2004, mencerminkan dasar monetari yang akomodatif. Sebaliknya, terdapat dasar monetari yang semakin ketat di peringkat global melalui kenaikan kadar faedah bagi mengurangkan tekanan inflasi akibat kenaikan harga minyak, seperti *Jadual 4.1*. AS telah meningkatkan kadar dana persekutuan kepada 3.75% pada September 2005 iaitu peningkatan 25 mata asas untuk kali kesebelas berturut-turut sejak Jun 2004. Dengan kenaikan terbaru ini, perbezaan kadar faedah nominal telah melebar kepada 105 mata asas yang memihak kepada AS. Sebaliknya di kawasan euro, kadar faedah kekal pada 2.00% sejak Jun 2003, sementara United Kingdom (UK) telah

menurunkan kadar reponya kepada 4.50% iaitu penurunan kali pertama sejak Ogos 2004 disebabkan jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan.

Pada 21 Julai 2005, rejim tambatan ringgit yang digunakan sejak tujuh tahun lalu telah dimansuhkan dan ditukar kepada sistem apungan terurus berbanding sekumpulan mata wang berwajaran dagangan rakan dagang utama Malaysia. Objektif utama dasar kadar pertukaran kekal tertumpu kepada penggalakan kestabilan yang merupakan faktor penting bagi ekonomi Malaysia yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan. Walau bagaimanapun, pengantarabangsaan ringgit masih disekat bagi mengelakkan aktiviti spekulasi. Pemansuhan

JADUAL 4.1

Kadar Faedah Utama Negara Terpilih

Negara	Akhir 2004 (%)	Pada 20 Sep 2005 (%)	Perubahan (mata asas)	Tarikh berkuat kuasa
AS (kadar dana persekutuan)	2.25	2.50	+25	2 Feb 2005
		2.75	+25	22 Mac 2005
		3.00	+25	3 Mei 2005
		3.25	+25	30 Jun 2005
		3.50	+25	9 Ogos 2005
		3.75	+25	20 Sep 2005
Australia (sasaran kadar tunai)	5.25	5.50	+25	2 Mac 2005
Jepun (kadar diskaun rasmi)	0.10	0.10	0	19 Sep 2001
Kawasan Euro (kadar pembiayaan semula)	2.00	2.00	0	5 Jun 2003
UK (kadar repo)	4.75	4.50	-25	4 Ogos 2005
Filipina (kadar panggilan semalaman)	6.75	7.00	+25	7 Apr 2005
Indonesia (kadar diskaun 1-bulan)	7.43	8.25	+82	29 Jun 2005
		8.44	+19	6 Julai 2005
		8.49	+5	13 Julai 2005
		8.50	+1	3 Ogos 2005
		8.71	+21	10 Ogos 2005
		8.75	+4	17 Ogos 2005
		9.50	+75	30 Ogos 2005
		10.00	+50	6 Sep 2005
Malaysia (kadar dasar semalaman)	2.70	2.70	0	26 Apr 2004
Thailand (kadar belian semula 14-hari)	2.00	2.25	+25	15 Mac 2005
		2.50	+25	9 Jun 2005
		2.75	+25	21 Julai 2005
		3.25	+50	7 Sep 2005

Sumber: Laman web bank pusat.

tambahan ringgit adalah bertepatan pada masanya, memandangkan asas ekonomi negara yang teguh di samping pengukuhan nilai ringgit berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau sejak awal 2005.


Perkembangan Monetari

Penawaran wang dan pinjaman mengembang kukuh...

Agregat monetari mengembang berikutan aktiviti ekonomi yang mapan pada tujuh bulan pertama 2005. **Wang secara kecil atau M1** meningkat 12.6% pada Julai 2005 (akhir 2004: 11.9%), mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap baki urus niaga daripada isi rumah dan perniagaan, seperti *Carta 4.1*. **Wang secara meluas atau M3**, juga meningkat sebanyak 11.6% (akhir 2004: 12.4%), didorong oleh pengaliran masuk bersih dana asing sebanyak RM47.6 bilion dan pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi berjumlah RM15.7 bilion pada tujuh bulan pertama 2005.

CARTA 4.1

Agregat Monetari (perubahan tahunan)



¹ Pada akhir Julai 2005.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan pada tujuh bulan pertama 2005. Operasi mudah tunai BNM telah membantu mengimbangi kesan pengembangan operasi luar bersih dan mengekalkan kadar OPR pada 2.70%. Kadar berian pinjaman asas (BLR) bank komersil dan syarikat kewangan juga tidak berubah, masing-masing pada paras 5.98% dan 6.90% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 5.98%; 6.90%), seperti *Jadual 4.2*. Walau bagaimanapun, persaingan sengit antara institusi perbankan menyebabkan kadar berian pinjaman purata bank perdagangan dan syarikat kewangan berkurang kepada 5.90% dan 8.75% (akhir 2004: 5.98%; 8.78%).

Kadar deposit tabungan juga turun antara 14 dan 37 mata asas. Walau bagaimanapun, kadar deposit tetap 1 hingga 12 bulan tidak berubah berikutan penetapan kadar minimum bagi deposit tersebut. Kadar inflasi yang semakin meningkat telah menyebabkan kemerosotan kadar pulangan benar kepada pendeposit. Sungguhpun demikian, Bon Simpanan Merdeka yang dilancarkan pada 2004 memberi kadar pulangan yang lebih tinggi sebanyak 5% setahun kepada warga emas, anggota tentera yang telah bersara serta warga negara yang telah bersara atas sebab perubatan. BNM telah menerbitkan Bon Simpanan Merdeka sebanyak RM1.94 bilion pada 2004 dan sebanyak RM1.16 bilion sehingga akhir Ogos 2005.

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal telah meningkat sebanyak 8.2% kepada RM316.9 bilion pada tujuh bulan pertama 2005 yang disokong oleh permintaan mantap daripada sektor perniagaan dan isi rumah, seperti *Carta 4.2*. Pinjaman bank kekal kukuh dengan pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.7% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 8.5%), seperti *Carta 4.3* dan *Jadual 4.3*. Pasaran modal terus menjadi sumber pembiayaan yang penting dengan jumlah PDS yang diperoleh mengembang kepada RM14,217 juta pada tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: RM13,385 juta). Pembiayaan menerusi pasaran PDS telah meningkat ketara dengan jumlah terkumpul PDS sebanyak RM167,850 juta serta menyumbang 37.3% daripada KDNK pada akhir Julai 2005 berbanding 16.5% pada akhir 1998.


JADUAL 4.2

Kadar Faedah Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan


	Akhir 1998 (%)	Akhir 2004 (%)	Akhir Julai 2005 (%)	Perubahan berbanding akhir 2004 (mata peratusan)
Bank Perdagangan				
Berian pinjaman asas	8.04	5.98	5.98	0.00
Berian pinjaman purata	9.72	5.98	5.90	-0.08
Deposit tabungan	3.87	1.58	1.44	-0.14
Deposit tetap 1-bulan	5.82	3.00	3.00	0.00
Deposit tetap 12-bulan	5.74	3.70	3.70	0.00
Syarikat Kewangan				
Berian pinjaman asas	9.50	6.90	6.90	0.00
Berian pinjaman purata	11.76	8.78	8.75	-0.03
Deposit tabungan	5.01	1.98	1.61	-0.37
Deposit tetap 1-bulan	6.35	3.00	3.00	0.00
Deposit tetap 12-bulan	6.57	3.70	3.70	0.00

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 4.2

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

CARTA 4.3

**Sistem Perbankan:
Jumlah Pinjaman Terkumpul dan Pertumbuhan**

JADUAL 4.3

Sistem Perbankan: Haluan Berian Pinjaman¹

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Disember 2004	Akhir Julai 2005	Perubahan	Akhir Julai 2005
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	10,878.8	11,192.4	313.6	2.1
Perlombongan dan kuari	990.1	959.4	-30.7	0.2
Pembuatan	63,020.3	61,738.9	-1,281.4	11.6
Elektrik, gas dan air	5,195.7	4,137.2	-1,058.5	0.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	43,454.9	45,763.8	2,308.9	8.6
Harta benda yang luas	208,460.9	219,343.1	10,882.2	41.0
Pembinaan	30,711.1	29,687.2	-1,023.9	5.6
Harta kediaman	132,913.6	142,209.7	9,296.1	26.6
Harta bukan kediaman	31,134.6	33,142.8	2,008.2	6.2
Harta tanah	13,701.6	14,303.4	601.8	2.7
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9,915.6	9,949.7	34.1	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	30,939.4	29,968.7	-970.7	5.6
Kredit penggunaan	68,821.3	113,205.6	44,384.3	21.2
di mana:				
Kad kredit	12,838.4	15,141.3	2,302.9	2.8
Pembelian kereta penumpang	39,313.1	79,203.2	39,890.1	14.8
Pembelian sekuriti	19,387.6	19,363.5	-24.1	3.6
Pembelian kenderaan pengangkutan	2,493.8	3,280.4	786.6	0.6
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	5,105.8	5,966.5	860.7	1.1
Lain-lain	10,114.5	9,481.2	-633.3	1.8
Jumlah pinjaman terkumpul²	513,877.7	534,350.3	20,472.6	100.0

¹ Termasuk bank Islam.² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman sistem perbankan masing-masing meningkat sebanyak 14.5%, 7.9% dan 7.9% pada tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: 17%; 13.7%; 12.4%), seperti *Jadual 4.4*. Paling ketara, pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 2.6% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 2.6%), mencerminkan pertumbuhan positif bagi lapan bulan berturut-turut sejak akhir 2004 selaras dengan pengembangan dalam pelaburan swasta. Sebahagian besar pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada sektor pembuatan (RM73,395 juta; 24.6% daripada jumlah pengeluaran pinjaman) dan sektor perdagangan borong dan

runcit, hotel dan restoran (RM54,221 juta; 18.2%), seperti *Carta 4.4*.

Pinjaman terkumpul bagi PKS telah meningkat 9% kepada RM92,066 juta pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 7.7%; RM88,301 juta) dan menyumbang 41.8% kepada jumlah pinjaman kepada sektor perniagaan (akhir 2004: 40.3%). Ini mencerminkan kejayaan terhadap beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini untuk meningkatkan akses pembiayaan serta mempertingkatkan keupayaan dan daya saing PKS. Langkah utama baru-baru ini termasuk penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada Ogos 2004 serta pertambahan

JADUAL 4.4


Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari-Julai

Penunjuk	2004	RM juta	2005	Pertumbuhan tahunan (%) 2004	2005
Jumlah					
Permohonan pinjaman	154,122.9		176,525.2	17.0	14.5
Kelulusan pinjaman	100,231.9		108,153.3	13.7	7.9
Pengeluaran pinjaman	276,002.5		297,900.4	12.4	7.9
Bayaran balik pinjaman	266,021.2		279,813.0	12.9	5.2
di mana:					
PKS					
Permohonan pinjaman	30,173.9		35,468.4	14.3	17.5
Kelulusan pinjaman	16,990.2		20,269.5	15.6	19.3
Pengeluaran pinjaman	56,567.1		61,811.1	19.3	9.3
Bayaran balik pinjaman	n.a		n.a	n.a	n.a
Perniagaan lain					
Permohonan pinjaman	52,252.8		57,581.2	6.8	10.2
Kelulusan pinjaman	31,893.9		30,506.6	2.1	-4.3
Pengeluaran pinjaman	132,515.5		140,411.2	10.2	6.0
Bayaran balik pinjaman	n.a		n.a	n.a	n.a
Isi rumah					
Permohonan pinjaman	70,350.1		80,905.1	29.2	15.0
Kelulusan pinjaman	49,930.0		56,068.1	22.9	12.3
Pengeluaran pinjaman	73,947.2		81,983.9	15.4	10.9
Bayaran balik pinjaman	61,665.6		65,800.6	18.1	6.7

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 4.4

Pinjaman Diluluskan dan Dikeluarkan mengikut Sektor: Nilai dan Sumbangan Januari-Julai 2005



Sumber: Bank Negara Malaysia.

peruntukan sebanyak RM2.5 bilion kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan RM850 juta kepada Tabung Usahawan Baru 2 pada 2004. Selain itu, SME Bank yang baru ditubuhkan dijangka memulakan operasi pada 3 Oktober 2005.

Kebanyakan pinjaman terkumpul bagi PKS disalurkan kepada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran merangkumi 26% daripada jumlah pinjaman terkumpul, pembuatan (22%) dan pembinaan (13%). Lima tabung khas bagi PKS yang ditadbir oleh BNM yang berjumlah RM8,900 juta telah digunakan dengan baik, dengan pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM8,329 juta daripada jumlah kelulusan sebanyak RM10,031 juta. Ini menunjukkan kadar penggunaan sebanyak 83% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 82.6%).


Pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah yang merupakan pemacu pinjaman bank sejak krisis kewangan meningkat sebanyak 15.1% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 14.4%) didorong oleh

keyakinan pengguna yang positif, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta kadar faedah yang rendah. Pinjaman yang dikeluarkan sebahagian besarnya adalah untuk pinjaman kad kredit merangkumi 28.9% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada isi rumah serta pembelian kereta penumpang (27.1%) dan harta kediaman (26.9%). Perbelanjaan menggunakan kad kredit telah meningkat didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam penggunaan swasta serta promosi pemasaran yang agresif. Urus niaga kad kredit oleh pemegang kad kredit Malaysia telah berkembang sebanyak 17.5% kepada RM22,565 juta pada tujuh bulan pertama 2005 (Januari-Julai 2004: RM19,201 juta).

Kadar pertukaran ringgit mengukuh pada separuh pertama 2005 selaras dengan nilai dolar AS yang lebih kukuh. Sehingga tambatan ringgit dimansuhkan pada 21 Julai 2005, nilai ringgit mengikuti prestasi dolar AS dan menambah nilai berbanding mata wang utama dan serantau, seperti *Carta 4.5* dan *Jadual 4.5*. Nilai ringgit

CARTA 4.5

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (peratus perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 4.5

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

Mata wang	RM kepada mata wang asing ¹				Perubahan (%) berbanding		
	2 Sep 1998	Akhir Dis 2004	21 Jul 2005	Akhir Ogos 2005	2 Sep 1998	Akhir Dis 2004	21 Jul 2005
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.7698	0.8	0.8	0.8
Paun sterling	6.3708	7.3169	6.6270	6.7605	-5.8	8.2	-2.0
Euro ²	-	5.1729	4.6212	4.6027	-	12.4	0.4
Yen Jepun (100)	2.7742	3.7026	3.3745	3.3985	-18.4	8.9	-0.7
Dolar Singapura	2.1998	2.3258	2.2570	2.2395	-1.8	3.9	0.8
Baht Thailand (100)	9.3713	9.7636	9.0681	9.1178	2.8	7.1	-0.5
Peso Filipina (100)	8.8302	6.7706	6.8131	6.7098	31.6	0.9	1.5
Rupiah Indonesia (100)	0.0354	0.0408	0.0386	0.0364	2.3	17.9	11.6
Won Korea (100)	0.2827	0.3671	0.3665	0.3648	-22.5	0.6	0.5

¹ Kadar antara bank pada 12.00 tengah hari di Kuala Lumpur adalah purata antara harga belian tertinggi dan harga jualan terendah.

² Euro diperkenalkan pada Januari 1999.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

meningkat ketara sebanyak 11.9% berbanding euro, 9.7% berbanding yen dan 10.4% berbanding paun. Pengukuhan dolar AS telah disokong oleh pertumbuhan ekonomi AS yang lebih baik berbanding kawasan euro dan Jepun serta kenaikan kadar faedah AS dan jangkaan kenaikan kadar faedah seterusnya. Mata wang euro menyusut disebabkan kebimbangan terhadap masa depan integrasi Kesatuan Eropah (EU), sementara kedua-dua mata wang euro dan paun terjejas oleh spekulasi pasaran mengenai pengurangan dalam kadar faedah utama.

Nilai ringgit juga mengukuh antara 0.2% dan 7.7% berbanding kebanyakan mata wang serantau sejak akhir 2004 hingga 21 Julai 2005. Mata wang baht dan rupiah menyusut berbanding dolar AS berikutan peningkatan permintaan dolar AS untuk membayar harga minyak yang lebih tinggi. Sebaliknya, won Korea mengukuh berbanding dolar AS sejak suku keempat 2004, hasil daripada aliran masuk modal yang tinggi.

Nilai ringgit terus mengukuh berikutan peralihan daripada rejim tambatan ringgit kepada apungan terurus berbanding sekumpulan mata wang dengan nilai ringgit ditentukan oleh asas ekonomi berkuatkuasa 21 Julai 2005. Sejak 21 Julai hingga akhir Ogos 2005, nilai ringgit naik antara 0.5% dan 11.6% berbanding kebanyakan mata wang

utama dan serantau. Peralihan kepada apungan terurus telah dilaksanakan dengan teratur dan lancar. Walau bagaimanapun, peningkatan nilai ringgit berbanding mata wang lain tidak besar, memandangkan ringgit telah mengalami pengukuhan ketara sebelum apungan terurus diperkenalkan.


Kedudukan Sistem Perbankan

Sistem perbankan yang teguh dengan asas modal yang kukuh, keuntungan yang lebih tinggi dan NPL yang rendah...

Sistem perbankan kekal teguh dengan permodalan yang kukuh, keuntungan yang lebih tinggi dan NPL yang berkurangan pada tujuh bulan pertama 2005. Nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal utama sistem perbankan kekal kukuh masing-masing sebanyak 13.3% dan 10.4% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 14.3%; 11.3%), melebihi nisbah minimum Bank for International Settlements sebanyak 8%. Sistem perbankan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.8 bilion pada separuh pertama 2005 disokong oleh persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan yang baik.

CARTA 4.6

Sistem Perbankan: NPL Kasar, Nisbah NPL Bersih dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko



¹ Pada akhir Julai 2005.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

NPL berdasarkan klasifikasi 6 bulan telah berkurangan sebanyak 9% atau RM4,562 juta daripada RM50,712 juta pada akhir 2004 kepada RM46,150 juta pada akhir Julai 2005 berikutan insiden NPL yang berkurangan, hapus kira yang lebih tinggi dan pengelasan semula NPL kepada akaun berbayar seperti Carta 4.6. Begitu juga, nisbah bersih NPL berdasarkan klasifikasi 6 bulan juga berkurang kepada 5% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 5.8%), paras yang terendah sejak krisis kewangan 1997. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga menurun kepada 6.7% pada akhir Julai (akhir 2004: 7.5%).

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan

Kejayaan penyelesaian penstrukturan semula sektor kewangan Malaysia...

Pada 31 Mac 2005, **Danaharta** telah berjaya menebus tiga *tranche* terakhir bonnya berjumlah

RM795 juta. Danaharta telah menerbitkan 15 *tranche* bon berjumlah RM11,140 juta untuk membiayai pembelian NPL daripada institusi kewangan yang bermasalah ketika krisis kewangan. Pencapaian penting Danaharta adalah keupayaannya menjana pendapatan yang mencukupi daripada operasinya untuk penebusan bon. Dengan kemajuan ini, Danaharta dijangka menamatkan operasinya pada 2005 seperti yang dijadualkan bagi menandakan berakhirnya proses penstrukturan semula sektor kewangan yang bermula pada 1998.

Danaharta merupakan institusi ketiga yang berjaya menamatkan operasi selepas pembubaran Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) pada Ogos 2002 dan Danamodal pada Februari 2004. Sepanjang tujuh tahun penubuhannya, Danaharta telah memperoleh NPL berjumlah RM52,440 juta (nilai hak pinjaman diperoleh dicampur faedah terakru) dan mencapai kadar pemulihan sebanyak 59%.

Kemajuan Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan

PISK memastikan sektor kewangan yang lebih kukuh dan berdaya saing bagi menghadapi persaingan yang kian meningkat...

Pelaksanaan PISK, satu pelan induk yang merangka hala tuju strategik sistem kewangan Malaysia dan dilancarkan pada 2001, berjalan lancar dan mengikut jadual. Pada akhir Jun 2005, sejumlah 45 perakuan telah dilaksanakan sepenuhnya, merangkumi hampir separuh daripada jumlah perakuan berperingkat kemajuan. Sebanyak 28 perakuan sedang dilaksanakan secara berterusan bagi mencapai sasaran objektif.

Inisiatif yang telah dilaksanakan telah berjaya menghasilkan sektor kewangan yang lebih kukuh dan berdaya tahan serta berada pada kedudukan yang lebih baik bagi menghadapi tekanan persaingan yang semakin mencabar. Keupayaan institusi perbankan domestik dan syarikat insurans untuk terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh, meskipun dalam persekitaran operasi yang bertambah kompetitif, mencerminkan keteguhan

dan keupayaan yang semakin meningkat. Selain itu, rangka kerja pengawalseliaan telah dipertingkat bagi menangani cabaran pasaran kewangan yang semakin kompleks. Institusi kewangan juga telah mengamalkan pengurusan risiko yang lebih baik yang memberikan mereka lebih keupayaan dan fleksibiliti untuk memenuhi permintaan dan kehendak pelanggan yang semakin meningkat.

Satu perakuan PISK penting yang telah dilaksanakan pada 2005 ialah pengenalan sistem insurans deposit Malaysia pada 1 September. Sistem insurans deposit ini memberikan perlindungan sehingga RM60,000 termasuk wang pokok dan faedah bagi setiap pendeposit di setiap bank serta perlindungan tambahan berasaskan untuk deposit Islam, akaun yang dipegang di bawah pemilikan bersama dan akaun amanah, pemilikan tunggal dan perkongsian. Sistem ini menggantikan jaminan tersirat Kerajaan ke atas deposit sekiranya berlaku kegagalan bank. Skim insurans deposit ini akan mengukuhkan lagi perlindungan pengguna serta menggalakkan institusi kewangan untuk memperbaiki pengurusan risiko.

Perbankan Islam

Bersedia untuk perkembangan lebih pesat dengan kemasukan peserta asing dan permulaan operasi subsidiari Islam...

Industri perbankan Islam terus mengembang, walaupun dengan lebih sederhana pada tujuh bulan pertama 2005, dengan jumlah aset dan deposit masing-masing meningkat sebanyak 8% dan 6.6% pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 15.1%; 21.1%), seperti *Jadual 4.6*. Industri perbankan Islam mengekalkan bahagian pasaran bagi aset dan deposit masing-masing sebanyak 10.6% dan 11.2% daripada jumlah aset dan deposit sistem perbankan (akhir 2004: 10.5%; 11.2%). Pembiayaan Islam meningkat sebanyak 9% kepada RM63,080 juta dengan menyumbang bahagian pasaran yang lebih tinggi sebanyak 11.8% daripada jumlah pembiayaan sistem perbankan pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 11.3%).

JADUAL 4.6

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		Perubahan
	Akhir 2004	Akhir Julai 2005	(%)
Aset	94,574	102,136	8.0
Deposit	72,857	77,694	6.6
di mana:			
Pelaburan	41,993	43,123	2.7
Simpanan	8,432	9,005	6.8
Permintaan	12,887	13,652	5.9
Lain-lain	9,545	11,914	24.8
Pembiayaan	57,841	63,080	9.0
di mana:			
PKS	7,994	8,865	10.9
Syarikat besar	13,931	14,126	1.4
Isi rumah	34,127	38,164	11.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Seperti perbankan konvensional, sebahagian besar daripada pembiayaan Islam terdiri pinjaman kepada isi rumah dengan mencakupi 60.5% daripada jumlah pembiayaan. Pembiayaan sektor isi rumah disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh, terutamanya bagi pembelian harta kediaman (24.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul perbankan Islam) dan kredit penggunaan (33.2%), seperti *Jadual 4.7*. Pembiayaan kepada PKS kekal penting dengan pertumbuhan 10.9% kepada RM8,865 juta dan menyumbang sebanyak 14.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 13.8%).

Industri perbankan Islam akan terus berkembang berikutan pelaksanaan beberapa inisiatif strategik untuk memperkukuhkan pembangunan industri perbankan Islam di peringkat domestik serta antarabangsa. Antara inisiatif ini termasuk kelulusan baru lesen perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 (IBA) kepada tiga institusi kewangan Islam asing yang terkemuka dari Timur Tengah. Pengeluaran lesen perbankan Islam kepada peserta asing adalah sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan kepelbagaian dan pengkhususan peserta dalam lanskap kewangan Islam serta mengukuhkan integrasi global bagi sistem perbankan Islam domestik. Bank Islam

JADUAL 4.7

Sistem Perbankan Islam: Haluan Berian Pinjaman

Sektor	Disember 2004	RM juta Akhir Julai 2005	Perubahan	Sumbangan (%) Akhir Julai 2005
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	2,328.5	2,202.1	-126.4	3.5
Perlombongan dan kuari	76.6	134.3	57.7	0.2
Pembuatan	6,112.6	6,883.9	771.3	10.9
Elektrik, gas dan air	719.2	541.2	-178.0	0.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	3,070.9	3,456.8	385.9	5.5
Harta benda yang luas	22,410.7	22,586.8	176.1	35.8
Pembinaan	3,530.9	3,260.8	-270.1	5.2
Harta kediaman	15,393.0	15,736.8	343.8	24.9
Harta bukan kediaman	2,580.4	2,560.0	-20.4	4.1
Harta tanah	906.4	1,029.2	122.8	1.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,176.5	1,208.9	32.4	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	2,089.9	2,329.6	239.7	3.7
Kredit penggunaan di mana:	17,490.5	20,965.6	3,475.1	33.2
Pembelian barangan kegunaan	43.6	40.0	-3.6	0.1
Kegunaan persendirian	2,448.4	3,057.6	609.2	4.8
Pembelian kenderaan pengangkutan	14,998.5	17,868.0	2,869.5	28.3
Pembelian sekuriti	877.9	908.4	30.5	1.4
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	418.5	550.6	132.1	0.9
Lain-lain	1,069.5	1,312.3	242.8	2.1
Jumlah pinjaman terkumpul	57,841.3	63,080.5	5,239.2	100.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

asing yang pertama telah memulakan operasi pada Ogos 2005.

Satu langkah strategik ialah transformasi jendela perbankan Islam sedia ada kepada subsidiari Islam (SI) dalam kumpulan perbankan masing-masing. Sehingga kini, enam kumpulan perbankan tempatan telah diberikan kebenaran untuk menubuhkan SI dengan tiga daripadanya telah memulakan operasi. Pegangan ekuiti asing dibenarkan sehingga 49% dalam SI. Langkah liberalisasi ini dijangka dapat meningkatkan potensi untuk membina perkongsian strategik bagi mendapatkan kepakaran baru dan tenaga mahir dari pelbagai bidang serta membangunkan aktiviti nilai ditambah yang baru. Ini mampu merangsang inovasi yang lebih tinggi dan perkembangan industri perbankan Islam di samping mengukuhkan integrasi global.

Bagi menyokong aktiviti cendekiawan syariah dalam bidang penyelidikan dan binaupaya dalam

perbankan dan kewangan Islam, satu tabung endowmen berjumlah RM200 juta telah ditubuhkan oleh BNM. Tabung endowmen ini akan digunakan bagi membiayai program latihan untuk cendekiawan syariah seluruh dunia, penyelidikan dalam kewangan Islam dan pemberian biasiswa serta penganjuran dialog tahunan antarabangsa dan bengkel di kalangan cendekiawan syariah.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan pengguna terhadap perbankan dan kewangan Islam, satu siri *Roadshow* Perbankan Islam dan Takaful telah dianjurkan. Aktiviti promosi ini dikelolakan bersama oleh BNM dengan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA). Sehingga kini, tiga aktiviti promosi telah dianjurkan dan dua lagi aktiviti seumpamanya akan dijalankan menjelang akhir 2005.

Institusi Kewangan Pembangunan

Pertumbuhan pinjaman IKP lebih kukuh...

Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus melengkapi sistem perbankan dengan menyediakan pembiayaan kepada sektor yang diberi keutamaan seperti infrastruktur, pembangunan usahawan Bumiputera, pertanian, pembuatan dan eksport serta PKS. Aktiviti pembiayaan IKP meningkat dengan kukuh sebanyak 20% kepada RM45,290 juta pada akhir Jun 2005 (akhir 2004: 16.5%; RM37,739 juta), seperti *Jadual 4.8*. Peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman disumbang terutamanya oleh pembiayaan untuk projek infrastruktur, kredit penggunaan dan pembelian rumah kediaman.

Pinjaman yang disalurkan kepada projek infrastruktur mencatatkan pertumbuhan 26.9%,

mewakili 27.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pinjaman oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) kepada sektor pengangkutan dan komunikasi, pembinaan serta utiliti. Pemberian pinjaman yang lebih tinggi untuk kredit penggunaan yang meningkat 21.4% disebabkan oleh permintaan kukuh bagi pinjaman persendirian berikutan promosi aktif oleh Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional. Kedua-dua bank tersebut juga mengambil kesempatan dari persekitaran kadar faedah rendah dengan melancarkan promosi agresif bagi produk pinjaman perumahan yang meningkatkan pembiayaan kepada 18% untuk pembelian rumah kediaman. Daripada 14 IKP, aktiviti pembiayaan terus dikuasai oleh tujuh IKP yang menyalurkan lebih daripada 85% kepada jumlah pinjaman terkumpul.

Jumlah sumber IKP meningkat 6.9% kepada RM96,521 juta pada akhir Jun 2005 (akhir 2004:

JADUAL 4.8

Haluan Berian Pinjaman Oleh IKP¹

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2004	Akhir Jun 2005	Akhir 2004	Akhir Jun 2005
Pembuatan	4,186.3	4,520.2	11.1	10.0
Pertanian	3,261.3	3,380.6	8.6	7.5
Elektrik, gas dan air	1,228.9	2,173.5	3.3	4.8
Harta benda yang luas di mana:	10,022.5	10,670.3	26.6	23.6
Pembinaan	4,136.1	4,524.7	11.0	10.0
Harta kediaman	4,066.4	4,795.6	10.8	10.6
Kredit penggunaan	9,238.5	11,216.0	24.5	24.8
Pengangkutan dan komunikasi	5,315.4	6,624.5	14.1	14.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1,306.7	1,764.9	3.5	3.9
Lain-lain	3,178.9	4,939.7	8.4	10.9
Jumlah	37,738.5	45,289.7	100.0	100.0

¹ Merangkumi Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Malaysian Export Credit Insurance Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

RM90,310 juta). Peningkatan ini mencerminkan peminjaman yang lebih tinggi daripada Kerajaan sebanyak RM19,098 juta (akhir 2004: RM17,569 juta), terutamanya untuk pembiayaan projek infrastruktur. Sementara itu, peningkatan jumlah deposit yang digembleng oleh IKP yang mengambil deposit mencakupi lebih 50% daripada jumlah sumber. IKP juga dibiayai oleh dana pemegang saham yang melebihi RM10 bilion atau 11.5% daripada jumlah sumber.

Selaras dengan objektif Kerajaan untuk terus membangunkan PKS, fungsi PKS daripada dua IKP, iaitu BPIMB dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (BITMB) akan digabung untuk membentuk Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Bank) yang baru. SME Bank tersebut dipertanggungjawabkan untuk membimbing dan membangunkan PKS dengan menyediakan perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan, termasuk mewujudkan komuniti usahawan, menyediakan jaminan ke atas pinjaman yang disalurkan oleh institusi perbankan, memudahkan pensekuritan serta penarafan kredit dan analisis perniagaan PKS. SME Bank dijangka memulakan operasi pada 3 Oktober 2005. Selain dari penubuhan SME Bank, Export-Import Bank of Malaysia (EXIM) akan diperkukuhkan dan menyerap fungsi Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) bagi meningkatkan sumber pembiayaan perdagangan dan insurans eksport. Inisiatif ini dijangka menggalakkan lagi PKS untuk meneroka pasaran luar dan mengembangkan eksport barangan serta perkhidmatan mereka.

Industri Insurans

Momentum pertumbuhan yang mapan dengan pengembangan kukuh insurans am...

Industri insurans terus menyokong ekonomi negara dengan menggerakkan simpanan jangka panjang di samping memudahkan pindahan risiko ekonomi. Pertumbuhan positif dicatatkan pada separuh pertama 2005, walaupun pada kadar yang lebih sederhana dengan jumlah pendapatan premium untuk kedua-dua perniagaan insurans hayat dan am meningkat sebanyak 8.6% kepada RM11,546 juta (Januari-Jun 2004: 21.5%;

RM10,628 juta), seperti *Jadual 4.9*. Penjanaan pendapatan premium terus dikuasai oleh insurans hayat yang mencakupi 68% daripada jumlah pendapatan premium industri insurans. Pertumbuhan pendapatan premium yang lebih

JADUAL 4.9

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2004	Akhir Jun 2005 ¹
Perniagaan insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,411	689
Jumlah diinsuranskan	170,840.1	92,714.3
Jumlah premium	6,641.7	3,642.2
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	9,724	9,953
Jumlah diinsuranskan	593,185.9	615,164.9
Premium tahunan	11,251.1	11,706.2
Pendapatan premium	15,131.0	7,844.9
Bayaran manfaat	5,397.3	2,827.8
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	8,557.5	4,848.8
Premium bersih	6,910.9	3,700.7
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	977.1	518.1
Nisbah bendungan ² (%)	87.0	87.2
Bilangan syarikat insurans		
Langsung		
Hayat	7	7
Am	26	26
Komposit	9	9
Penginsuranaan semula		
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Data awal.

² Premium bersih kepada premium kasar dan premium penginsuranaan semula diterima tolak penginsuranaan semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

perlahan disebabkan oleh asas premium yang besar pada 2004 berikutan permintaan baru yang kukuh bagi produk berkaitan pelaburan dan endowmen. Bagaimanapun, sektor insurans am mengalami pertumbuhan kukuh berikutan kadar premium yang lebih stabil setelah mengalami penurunan kadar selama dua tahun berturut-turut selaras dengan arah aliran kadar premium global.

Jumlah manfaat dan tuntutan yang dibayar oleh industri insurans meningkat 6.6% kepada RM4,674 juta dalam separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 19.2%; RM4,383 juta). Sebahagian besar pembayaran manfaat disebabkan oleh pembayaran manfaat kematangan oleh syarikat insurans hayat untuk polisi endowmen yang matang pada tempoh yang sama. Aset kumpulan wang insurans berkembang 5.4% kepada RM91,567 juta pada akhir Jun 2005 (akhir 2004: RM86,852 juta), dengan kumpulan insurans hayat mencakup lebih 80% daripada jumlah aset seperti *Jadual 4.10*. Syarikat insurans kekal sebagai pelabur institusi yang penting di pasaran modal dengan jumlah pelaburan dalam sekuriti korporat dan hutang meningkat kepada RM42,854 juta pada akhir

Jun 2005 (akhir 2004: RM40,380 juta). Dari segi pembahagian aset, bahagian terbesar atau 46.8% daripada jumlah aset (akhir 2004: 46.5%) terus tertumpu dalam pelaburan sekuriti korporat dan hutang, terutamanya untuk bon jangka panjang bagi memenuhi keperluan liabiliti jangka panjang syarikat insurans hayat.

Premium perniagaan baru sektor **insurans hayat** meningkat sebanyak 14.7% kepada RM3,642 juta pada enam bulan pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 53.7%; RM3,176 juta), didorong oleh permintaan pengguna untuk opsyen pelaburan yang lebih menarik. Minat pengguna yang kukuh terhadap pelan endowmen menyebabkan peningkatan premium baru sebanyak 71.1% kepada RM1,608 juta (Januari-Jun 2004: 85%; RM940 juta). Walau bagaimanapun, premium baru bagi produk berkaitan pelaburan menurun 31% kepada RM819 juta disebabkan oleh asas premium yang besar pada tempoh yang sama pada 2004 (103.3%; RM1,186 juta). Walaupun terdapat penurunan, jualan pelan berkaitan pelaburan menyumbang bahagian kedua terbesar iaitu 22.5% daripada premium perniagaan baru insurans hayat selepas premium baru bagi pelan endowmen yang merangkum 44.1%. Langkah

JADUAL 4.10

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am (RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	Akhir 2004	Akhir Jun 2005 ¹	Akhir 2004	Akhir Jun 2005 ¹
Aset tetap	355.8	357.3	733.0	725.7
Pinjaman	8,455.4	8,851.6	226.5	234.4
Sekuriti Kerajaan	12,518.7	12,310.8	2,281.1	2,519.0
Hutang dijamin Kerajaan	-	-	10.1	10.0
Sekuriti korporat dan hutang	34,694.6	37,159.7	5,685.1	5,693.8
Pelaburan harta tanah	2,969.4	3,006.9	429.7	429.1
Tunai dan deposit	8,899.2	9,964.0	5,837.6	6,149.9
Aset lain ²	1,882.3	2,062.2	1,872.9	2,092.5
Jumlah	69,775.4	73,712.5	17,077.0	17,854.4

¹ Data awal.

² Termasuk pelaburan lain dan aset asing lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia

melonggarkan had pelaburan di luar negara untuk syarikat insurans baru-baru ini, dari 10% kepada 30% nilai aset bersih (NAV), dijangka akan meningkatkan jualan produk berkaitan pelaburan memandangkan syarikat insurans akan memperoleh lebih fleksibiliti untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan serta mendapatkan pulangan yang lebih tinggi untuk pemegang polisi.

Premium perniagaan baru untuk polisi perlindungan tulen, terutamanya polisi sementara berkaitan kredit dan polisi insurans perubatan dan kesihatan juga mencatatkan pertumbuhan kukuh menunjukkan insurans semakin penting sebagai alat efektif bagi menguruskan risiko kewangan persendirian. Arah aliran pertumbuhan positif bagi perniagaan baru mendorong peningkatan kadar penembusan, yang diukur dari segi nisbah jumlah polisi kepada jumlah penduduk, kepada 38.3% pada akhir Jun 2005 (akhir 2004: 37.9%). Berbanding dengan negara maju yang mempunyai kadar penembusan lebih tinggi, kadar penembusan domestik semasa menunjukkan industri insurans berpotensi besar untuk berkembang lebih pesat.

Dalam sektor **insurans am**, pertumbuhan premium melonjak kukuh didorong jualan kenderaan bermotor yang lebih tinggi dan kestabilan kadar premium untuk risiko komersil setelah mengalami penurunan ketara sejak 2003. Premium kasar langsung berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10% kepada RM4,849 juta dalam separuh pertama 2005 (Januari-Jun 2004: 4.2%; RM4,409 juta). Perniagaan insurans kenderaan bermotor mengekalkan penguasaannya dengan merangkumi 45.1% bahagian daripada jumlah premium. Premium bersih yang dibendung syarikat insurans juga meningkat, menghasilkan nisbah bendungan lebih tinggi pada 87.2% (Januari-Jun 2004: 85.7%).

Kedua-dua insurans hayat dan am terus mencatatkan keuntungan pada separuh pertama 2005. Selaras dengan arah aliran pertumbuhan premium, lebihan pendapatan berbanding wang keluar sektor insurans hayat lebih rendah pada RM5,169 juta (Januari-Jun 2004: RM5,789 juta), sementara keuntungan kendalian sektor insurans am meningkat dengan ketara kepada RM711 juta (Januari-Jun 2004: RM504 juta).

Pada separuh pertama 2005, langkah pengawalseliaan tertumpu kepada pengukuhan amalan pengurusan risiko dalam industri insurans, peningkatan tahap penzahiran kepada pelanggan dan penggalakkan tahap profesionalisme yang lebih tinggi di kalangan perantara syarikat insurans. Penggabungan industri insurans kekal sebagai proses yang didorong oleh pasaran. Memandangkan tekanan persaingan yang lebih sengit, penggabungan dan pengambilalihan dijangka menjadi strategi yang akan diteruskan oleh syarikat insurans untuk meningkatkan modal dan kecekapan operasi. Pada akhir Jun 2005, bilangan penanggung insurans langsung telah berkurang daripada 58 kepada 42, dengan satu lagi penggabungan dan pengambilalihan melibatkan tiga penanggung insurans sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Takaful

Prestasi teguh dengan permintaan lebih tinggi untuk pelan takaful berkaitan pelaburan...

Industri takaful mencatatkan prestasi kukuh pada tujuh bulan pertama 2005 dengan caruman perniagaan baru **takaful keluarga** meningkat tinggi sebanyak 33.5% kepada RM459 juta (Januari-Julai 2004: 38.9%, RM344 juta), seperti *Jadual 4.11*. Caruman baru dijana terutamanya daripada pelan takaful gadai janji kadar menurun selaras dengan pertumbuhan pembiayaan gadai janji Islam. Pertumbuhan juga didorong oleh kecenderungan pengguna yang tinggi terhadap pelan takaful berkaitan pelaburan dengan caruman baru meningkat sebanyak RM63 juta (Januari-Julai 2004: RM6 juta). Pelan takaful perubatan dan kesihatan juga mengembang dengan caruman meningkat sebanyak 29.2%, mencerminkan permintaan yang lebih tinggi untuk perlindungan daripada kos perubatan yang semakin meningkat. Bilangan sijil yang berkuat kuasa meningkat 16.1% kepada 1.4 juta unit dengan kadar penembusan pasaran pada tahap 5.1% pada akhir Julai 2005.

Prestasi perniagaan **takaful am** bertambah baik pada tujuh bulan pertama 2005, dengan caruman kasar meningkat 21% kepada RM347 juta (Januari-Julai 2004: 35.1%; RM286 juta). Sektor

JADUAL 4.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Akhir Julai 2004	Tahun Kewangan 2004	Akhir Julai 2005
Aset¹ (RM juta)	4,760.6	5,028.6	5,642.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	482.5	597.4	733.3
Deposit Pelaburan	1,585.4	1,612.9	1,641.0
PDS dan ekuiti Islam	2,369.6	2,463.9	2,567.7
Tunai dan baki di bank	26.9	44.6	180.5
Pembiayaan	59.9	45.4	52.0
Aset tetap	111.1	109.6	232.9
Lain-lain	125.0	154.8	235.4
Perniagaan takaful keluarga			
Perniagaan baru			
Jumlah caruman (RM juta)	344.2	603.7	459.4
Jumlah penyertaan (RM juta)	25,474.1	36,458.1	27,657.0
Bilangan sijil	163,812	290,538	212,162
Perniagaan berkuat kuasa			
Jumlah caruman ² (RM juta)	427.4	477.2	529.3
Jumlah penyertaan (RM juta)	97,639.5	88,711.9	103,665.0
Bilangan sijil	1,214,377	1,315,195	1,410,255
Perniagaan takaful am			
Caruman kasar (RM juta)	286.5	492.5	346.8
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	45.2	90.8	66.1

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga, am dan dana pemegang saham.

² Caruman perniagaan berkuat kuasa dilaporkan untuk caruman tahunan sahaja.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sepanjang tempoh tersebut, aset takaful keluarga dan am mengembang sebanyak 12.2% kepada RM5,642 juta (akhir-2004: RM5,029 juta). Sebahagian besar dana kumpulan wang takaful dilabur dalam PDS dan ekuiti Islam mencakupi 45.5% daripada jumlah keseluruhan aset. Bahagian pasaran aset takaful bertambah baik kepada 6.1% daripada jumlah aset industri insurans dan takaful pada akhir Julai 2005.

Beberapa inisiatif terus diambil pada separuh pertama 2005 untuk menggalak dan mengukuhkan industri takaful tempatan, sejajar dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam. Empat lagi lesen takaful baru akan dikeluarkan kepada pemohon yang layak bagi meningkatkan persaingan dan mempercepatkan pengembangan perniagaan takaful. Selain itu, pegangan ekuiti asing sehingga 49% dibenarkan dalam entiti takaful bagi memanfaatkan kemahiran institusi kewangan asing.

Sementara itu, broker dan penaksir insurans yang diberi lesen di bawah Akta Insurans 1996 untuk menjalankan perniagaan pembrokeran dan penaksiran takaful, kini dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984. Langkah ini membolehkan BNM mengawal dan mengawasi perantara takaful dengan lebih baik, meningkatkan perlindungan pengguna serta mengurangkan kemungkinan individu yang tidak berlesen mengaku sebagai broker dan penaksir takaful. Lima lagi lesen baru akan dikeluarkan kepada peserta broker takaful yang baru untuk menggalakkan pengkhususan dan memacu pertumbuhan industri. Pengendali takaful juga digalakkan untuk menceburi perniagaan *bancatakaful* sebagai langkah untuk meningkatkan kehadiran dan penembusan pasaran. Perniagaan *bancatakaful* membolehkan industri takaful menggunakan rangkaian luas institusi perbankan dan IKP untuk memasarkan produk takaful kepada pelanggan.

Pasaran Modal

Membantu perolehan dana untuk membiayai aktiviti sektor swasta yang bertambah kukuh...

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran modal berjumlah RM38,734 juta dengan 52%

kebakaran dan kenderaan bermotor terus menguasai perniagaan takaful am dengan masing-masing mencakup 38.4% dan 31.5% bahagian daripada jumlah sumbangan kasar. Tuntutan bersih yang dibayar oleh industri takaful meningkat sebanyak 46.2% kepada RM66 juta disebabkan oleh tuntutan bersih lebih tinggi sektor kenderaan bermotor.

daripadanya oleh sektor swasta sementara baki 48% diperoleh sektor awam pada sepanjang tujuh bulan pertama 2005, seperti *Jadual 4.12*. Dana yang diperoleh sektor awam menurun dengan ketara, mencerminkan langkah konsolidasi fiskal Kerajaan. Sebahagian besar dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM14,543 juta (Januari-Julai 2004: RM27,764 juta). Sementara itu, dana kasar yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran bon dan ekuiti juga merosot 4.3% kepada RM20,195 juta (Januari-Julai 2004: -42.4%, RM21,108 juta), disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pergerakan kadar faedah di samping kecenderungan sektor korporat terhadap sumber pembiayaan yang lain. Sebaliknya, penerbitan IPO lebih aktif dengan dana yang diperoleh meningkat lebih 2.5 kali. Selepas mengambil kira penebusan PDS yang kecil, dana bersih yang diperoleh sektor swasta meningkat tiga kali ganda kepada RM8,910 juta (Januari-Julai 2004: -86.9%, RM2,940 juta).

Pasaran PDS kekal sebagai sumber pilihan bagi syarikat membiayai projek jangka sederhana dan panjang. Terbitan baru PDS berjumlah RM14,217 juta (Januari-Julai 2004: RM13,385 juta). Sebahagian besar perolehan PDS digunakan untuk membiayai aktiviti baru dengan mencakupi 39.8% daripada jumlah perolehan, seperti *Carta 4.7*, mencerminkan aktiviti pelaburan swasta yang semakin berkembang. Kira-kira 30% daripada jumlah PDS baru diterbitkan oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan, seperti *Jadual 4.13*.

Cagamas, Perbadanan Cagaran Malaysia kekal sebagai penerbit aktif PDS dengan bon Cagamas terkumpul berjumlah RM24,347 juta atau 12.8% daripada pasaran PDS pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: RM26,752 juta; 14.3%). Sepanjang tujuh bulan pertama 2005, Cagamas telah menerbitkan 9 PDS baru bernilai RM1,180 juta, merangkumi 7.7% daripada jumlah terbitan baru (Januari-Julai 2004: RM4,640 juta; 10 terbitan). Terbitan bon Cagamas yang lebih kecil menyebabkan pengurangan ketara dalam jumlah dagangan sekunder kepada RM11,627 juta daripada RM27,412 juta dalam tempoh yang sama 2004.

JADUAL 4.12

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari-Julai (RM juta)

	2004	2005 ¹
Oleh sektor awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	27,763.6	14,543.1
Bon Khazanah	0.0	833.2
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,440.1	2,000.1
Bon Simpanan Merdeka	1,500.0	1,162.1
Sekuriti baru Kerajaan	28,203.6	18,538.5
Tolak penebusan	18,657.0	8,531.9
Dana bersih diperoleh	9,546.6	10,006.6
Oleh sektor swasta		
Saham²		
Tawaran awam permulaan	1,576.6	4,227.8
Terbitan hak	1,005.1	552.8
Tawaran persendirian	785.6	249.0
Terbitan khas	68.0	0.0
Waran	47.7	17.4
Terbitan saham baru	3,483.0	4,798.0
Sekuriti hutang³ (kasar)		
Bon biasa	943.4	1,356.4
Bon boleh tukar	2,470.2	2,708.7
Bon Islam	4,452.9	3,432.0
Bon bersandarkan aset	1,402.5	497.3
Bon dengan waran	-	0.0
Nota jangka sederhana	4,116.0	6,222.6
Bon Cagamas	4,240.0	1,180.0
Terbitan baru sekuriti hutang	17,625.0	15,397.0
Tolak penebusan⁴	18,168.3	11,284.6
Sekuriti hutang baru	(543.3)	4,112.4
Dana bersih yang diperoleh	2,939.7	8,910.4
Jumlah dana bersih diperoleh	14,283.6	18,917.0

¹ Data awal.

² Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.


³ Termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan sejak Julai 2000.

⁴ Termasuk bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar, bon Islam dan bon Cagamas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 4.7

Terbitan Baru PDS mengikut Penggunaan Januari-Julai



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Terbitan baru dikuasai oleh bon berkadar tetap mencakupi 66.1% daripada jumlah terbitan bon baru, diikuti oleh Sekuriti Cagamas *Bithaman Ajil*, dahulunya dikenali sebagai *Sanadat* Cagamas (33.9%). Sementara itu, pembelian pinjaman dan hutang merosot 55.5% kepada RM1,599 juta (Januari-Julai 2004: RM3,592 juta) disebabkan oleh penjualan pinjaman dan hutang yang kurang aktif oleh institusi kewangan memandangkan persekitaran mudah tunai yang berlebihan dan kadar faedah rendah dalam sistem perbankan. Pada akhir Jun 2005, pegangan bon Cagamas oleh institusi perbankan menurun kepada 52.6% daripada jumlah pegangan (akhir 2004: 56.8%), seperti *Jadual 4.14*. Kumpulan wang simpanan dan pencen kekal sebagai pemegang bon Cagamas yang utama dalam kategori institusi bukan perbankan dengan merangkumi 27.9% daripada jumlah pegangan.

JADUAL 4.13

Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹ Januari-Julai

Sektor	2004		2005 ²	
	RM juta	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)
Pertanian	0	0	155.5	1.1
Pembuatan	1,291.7	9.7	1,127.1	7.9
Elektrik, gas dan air	4,484.0	33.5	3,533.0	24.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	20.0	0.1	122.0	0.9
Pembinaan	4,207.6	31.4	2,211.6	15.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	556.0	4.2	1,698.3	11.9
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	2,790.6	20.8	4,242.8	29.8
Kerajaan dan lain-lain	35.0	0.3	1,126.7	7.9
Jumlah	13,385.0	100.0	14,217.0	100.0

¹ Tidak termasuk bon Cagamas.

² Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 4.14

Agihan Bon Cagamas

Pemegang	Akhir 2004		Akhir Jun 2005	
	RM juta	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)
Institusi perbankan	15,207	56.8	13,540	52.6
Syarikat insurans	1,189	4.5	3,027	11.7
Kumpulan wang simpanan dan pencen	7,129	26.6	7,184	27.9
Pelabur lain	3,227	12.1	2,005	7.8
Jumlah	26,752	100.0	25,757	100.0

Sumber: Cagamas.

PENSEKURITIAN PINJAMAN PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN – SATU ANJAKAN BAGI PASARAN BON

Pengenalan

Selaras dengan usaha untuk memperdalam dan memperluaskan pasaran bon, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk memudahkan pensekuritian, termasuk memberi mandat kepada Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan pengawalselia tunggal untuk penerbitan bon, pengeluaran Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS) pada April 2001 dan pengenalan Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Pensekuritian Bersandarkan Aset pada April 2003 oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kerajaan juga telah menyediakan beberapa insentif cukai untuk memudahkan lagi penerbitan ABS iaitu pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah bagi aset yang terlibat dalam pensekuritian.

Di Malaysia, pensekuritian bermula menerusi operasi Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, pada Oktober 1987. Cagamas bertindak membeli pinjaman dan hutang dengan menerbitkan sekuriti hutang di peringkat sekunder. Walau bagaimanapun, sekuriti hutang tersebut tidak boleh dianggap sebagai pensekuritian yang sebenar kerana ianya tidak bersandarkan aliran tunai daripada pinjaman dan hutang.

Pensekuritian Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan

Kerajaan telah melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan (PPKK) bertujuan terutamanya untuk membangunkan lagi pasaran bon Malaysia, khususnya ABS sebagai instrumen pembiayaan baru untuk perolehan dana di pasaran modal. Ini selaras dengan teras utama agenda pembangunan pasaran bon domestik untuk memperluaskan jenis dan kecanggihan produk bagi memenuhi kepelbagaian keperluan pelabur dan penerbit dana.

Proses pensekuritian ini melibatkan Kerajaan menjual pinjaman perumahan kakitangannya secara berperingkat-peringkat kepada Cagamas yang bertindak sebagai penerbit untuk mendapatkan perolehan tunai. Cagamas kemudiannya akan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadai janji (MBS) untuk membiayai pembelian pinjaman yang telah dijadualkan. Aliran tunai daripada pinjaman itu akan digunakan untuk membayar balik terbitan MBS tersebut.


Struktur Urus Niaga

Cagamas telah menubuhkan sebuah anak syarikat milik penuh, Cagamas MBS Berhad (CMBS), pada Jun 2004 untuk melaksanakan pensekuritian PPKK. CMBS bertindak sebagai sebuah entiti tujuan terhad yang akan membeli PPKK secara berperingkat-peringkat dan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (RMBS) untuk mendapatkan hasil belian bagi pinjaman perumahan tersebut. Struktur urus niaga bagi pensekuritian PPKK seperti *Carta 1*.

Pada masa ini, pinjaman perumahan berjumlah sebanyak RM29.03 bilion dengan tempoh matang sehingga 25 tahun. Memandangkan jumlah pinjaman yang besar ini, pensekuritian PPKK akan menyumbang kepada:

- i. Mewujudkan keluk kadar hasil untuk sekuriti RMBS dengan tempoh matang yang panjang yang akan menjadi tanda aras untuk penerbitan ABS yang lain;
- ii. Menyediakan mekanisme penemuan harga bagi ABS lain memandangkan RMBS mempunyai risiko terendah kerana ianya disandarkan kepada aliran tunai daripada ansuran pinjaman perumahan. Ini akan membolehkan pelabur menetapkan harga ABS lain dengan lebih tepat;
- iii. Menggalakkan pasaran sekunder yang aktif dan berdaya maju untuk penerbitan ABS; dan
- iv. Mempromosi Malaysia sebagai penerbit ABS Islam, memandangkan hampir separuh daripada pinjaman perumahan yang diluluskan sejak 1994 merupakan hutang pembiayaan Islam.

CARTA 1

Struktur Urus Niaga

Portfolio pertama PPKK telah disekuritikan pada 20 Oktober 2004, melibatkan RM1,936 juta pinjaman perumahan pesara Kerajaan dan terbitan RMBS dengan nilai nominal RM1,555 juta untuk tempoh pegangan 3, 5, 7 dan 10 tahun. Penerbitan RMBS tersebut telah mendapat penarafan tertinggi AAA daripada Rating Agency Malaysia (RAM) dan Malaysian Rating Corporation (MARC). Penarafan ini mencerminkan kualiti tinggi aset yang disandarkan serta kredibiliti struktur RMBS, di mana sumber pembayaran aset adalah daripada potongan pencen kakitangan Kerajaan.

Terbitan RMBS ini telah menerima sambutan yang menggalakkan dengan lebih langganan sebanyak 5.6 kali. Terbitan tersebut telah menarik pelaburan sebanyak RM11.1 bilion dalam nilai buku, dengan RM2.2 bilion daripada pelabur Hong Kong dan Singapura manakala baki RM8.9 bilion diterima daripada pelabur tempatan. Para pelabur terdiri daripada institusi kewangan, kumpulan wang pencen, syarikat pengurusan aset, syarikat insurans dan perbadanan. Sambutan yang menggalakkan juga membolehkan terbitan ini dinilai pada harga yang kompetitif sebanyak 3.7% bagi tempoh pegangan 3 tahun, 4.3% (5 tahun), 4.95% (7 tahun) dan 5.5% (10 tahun), seperti *Jadual 1*. Kejayaan terbitan RMBS yang pertama telah mencerminkan keyakinan pasaran terhadap instrumen kewangan baru.

JADUAL 1

Komposisi Terbitan RMBS

Siri	Tempoh Pegangan (Tahun)	Tarikh Matang	Jumlah (RM juta)	Kadar Kupon (%)
1	3	19 Okt 2007	580	3.70
2	5	20 Okt 2009	340	4.30
3	7	20 Okt 2011	290	4.95
4	10	20 Okt 2014	345	5.50

Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman Secara Islam

Kerajaan telah melaksanakan penerbitan PPKK yang kedua iaitu terbitan sulung RMBS Islam (IRMBS) dengan nilai nominal sebanyak RM2.05 bilion pada Julai 2005. Terbitan ini adalah urus niaga penting bagi Malaysia kerana ia merupakan RMBS pertama di dunia yang diterbitkan mengikut prinsip Islam. Seperti RMBS konvensional pertama yang diterbitkan pada Oktober 2004, IRMBS juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kadar lebihan langganan sebanyak 5.4 kali, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap instrumen yang mematuhi syariah.

Manfaat Daripada Penerbitan RMBS

Penerbitan RMBS membolehkan Kerajaan mengubah aset tidak cair yang agak besar kepada instrumen pasaran cair dan boleh didagangkan. Ia juga memberikan struktur pembiayaan yang lebih cekap dan keberkesanan kos sepanjang tempoh penssekuritan, seterusnya memudahkan perancangan kewangan yang efektif untuk Kerajaan. Kepada para pelabur pula, RMBS memberikan kadar hasil yang lebih baik berbanding instrumen kewangan lain yang mempunyai penarafan dan tempoh matang yang sama. RMBS juga mencerminkan sekuriti dengan kualiti kredit yang tinggi kerana urus niaga tersebut dicagarkan oleh portfolio PPKK yang diselenggarakan melalui potongan bulanan wang pencen/gaji kakitangan awam yang telah bersara/masih berkhidmat.

Kesimpulan

Penerbitan RMBS ini merupakan satu kejayaan kepada pengenalan kelas aset yang boleh dibangunkan. Hasrat Kerajaan adalah supaya usaha ini bukan sahaja akan membantu pembangunan penssekuritan aset tetapi juga mengorak langkah untuk pasaran bon Malaysia berkembang lebih pesat dan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh.

MEMAJUKAN ASEAN SEBAGAI SATU KELAS ASET

Latar Belakang

Selepas berakhirnya krisis kewangan Asia 1997, rantau ASEAN telah menjadi semakin pulih dengan pengukuhan ekonomi dan kewangannya. Berikutan itu, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah melancarkan *Roadmap for Financial and Monetary Integration* dengan hasrat untuk membentuk satu Komuniti ASEAN yang progresif dan makmur menjelang 2020. *Roadmap* yang diperkenalkan pada 2003 bertujuan memperkukuhkan lagi integrasi ekonomi, menetapkan sasaran serta jangka masa bagi aktiviti yang meliputi pembangunan pasaran modal, liberalisasi perkhidmatan kewangan dan liberalisasi akaun modal serta kerjasama mata wang. Dalam konteks pembangunan pasaran modal, *Roadmap* ini menggariskan matlamat membinaupaya dan penyediaan infrastruktur yang perlu untuk memudahkan kerjasama merentasi sempadan di kalangan pasaran modal rantau ini.

Sebagai langkah pertama ke arah meningkatkan jalinan merentasi sempadan di kalangan pasaran modal serantau, anggota ASEAN telah bersetuju pada 2004 untuk menganjurkan Seminar Pelabur Menteri-Menteri Kewangan ASEAN secara tahunan di pasaran modal utama dunia. Seminar ini yang merupakan inisiatif hubungan kerjasama pelabur, bertujuan untuk menaikkan profil pasaran modal ASEAN dan menggalakkan lebih banyak dialog dengan pengurus dana serta peserta pasaran yang lain. Sesi dialog tersebut membolehkan perkongsian maklumat mengenai pembaharuan yang telah mengubah ASEAN, kemajuan yang dicapai ke atas inisiatif-inisiatif serantau ke arah meningkatkan kestabilan serta peluang-peluang pelaburan yang dapat ditawarkan.

Sebagai langkah kedua, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN turut memulakan usaha ke arah membangun dan mengenal pasti satu pakej peluang pelaburan di rantau ini yang boleh dipromosikan sebagai penanda aras ASEAN dengan hasrat untuk:

- i. menjenamakan ASEAN sebagai satu kelas aset;
- ii. membangunkan ASEAN sebagai suatu destinasi pelaburan yang lebih menarik;
- iii. meluaskan pendedahan syarikat-syarikat ASEAN kepada pelabur-pelabur asing;
- iv. mempermudah pelaburan dalam syarikat-syarikat ASEAN; dan
- v. mempercepatkan lagi proses meluaskan dan mendalamkan aktiviti pasaran modal serantau.

ASEAN Sebagai Satu Kelas Aset

Asas utama untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu kelas aset ialah potensi pelaburan yang cerah berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi yang mapan dan cergas ekoran daripada daya saing rantau ini yang kukuh serta persekitaran ekonomi yang berkembang pesat. ASEAN menawarkan pasaran dengan kira-kira 550 juta penduduk yang berkembang pada kadar melebihi 2% setahun. Di samping mempunyai KDNK terkumpul sebanyak USD800 bilion, rantau ini juga kaya dengan pelbagai sumber asli dan tenaga kerja mahir yang menyumbang kepada industri berasaskan kepada pasaran eksport yang tertumpu kepada sektor-sektor pertumbuhan tinggi. Pasaran pengguna ASEAN yang bernilai USD330 bilion juga adalah lebih besar daripada India dan setara dari segi nilai dengan kawasan persisiran China yang sedang berkembang pesat. Tambahan pula, gabungan 10 negara anggota ASEAN menguasai kira-kira 40% sumber minyak dan gas di rantau Asia Pasifik. ASEAN juga mempunyai suatu pengkalan industri yang kukuh yang telah mendapat manfaat daripada kadar upah yang agak rendah dalam subsektor seperti barangan elektronik pengguna dan separa konduktor,

dengan peluang pertumbuhan yang pesat dalam sektor pembuatan produk bioteknologi dan sektor perkhidmatan.

Keperluan bagi pengurusan harta kekayaan pada masa hadapan juga meningkat. Bagi tempoh 10 tahun yang lalu, peratusan penduduk di ASEAN berumur lebih 50 tahun berjumlah 15% tetapi kini ianya 18% dan semakin meningkat. Terdapat arah aliran yang jelas bahawa ramai yang akan bersara, tetapi kebanyakan mereka mempunyai tahap kesihatan yang baik dan jangka hayat yang lebih panjang serta simpanan persaraan yang tinggi. Usaha meningkatkan permintaan dalam negeri berikutan kadar tabungan yang tinggi juga menunjukkan peningkatan perbelanjaan penggunaan masa hadapan. Tambahan pula, peningkatan kemewahan golongan tenaga kerja muda yang produktif menyediakan peluang yang amat banyak bukan sahaja dari segi perbelanjaan ke atas produk pengguna gaya hidup mewah tetapi juga perkhidmatan dan produk kewangan seperti perbankan pengguna dan khidmat nasihat pelaburan yang dijangka meningkat permintaannya pada tahun yang akan datang. Pengurusan sumber dana yang terkumpul yang lebih cekap merangkumi aliran kewangan merentasi sempadan, terutamanya dalam rantau ini. Usaha menguruskan dana ini dan mempromosikan ASEAN sebagai satu kelas aset akan mempelbagaikan risiko portfolio dan, dalam proses ini, akan meningkatkan lagi kemahiran pengurus dana tempatan untuk memahami pasaran-pasaran lain.

Sementara itu, prestasi ekonomi ASEAN yang mantap adalah disokong oleh asas-asas makroekonomi negara anggota yang semakin mengukuh sejak krisis kewangan 1997. Perubahan politik dan sosial yang positif pada amnya telah membawa kepada suasana yang lebih stabil di rantau ini. Selain daripada itu, sektor korporat dan kewangan bertambah kukuh hasil daripada usaha penstrukturan semula secara menyeluruh, termasuk memantapkan peraturan kawal selia selaras dengan keperluan penzahiran yang lebih meluas dan juga memberi hak yang lebih kepada pemegang saham minoriti. Pasaran bon, terutamanya pasaran bon korporat, telah berkembang pesat semenjak tahun-tahun kebelakangan ini, manakala *spread* bon semakin mengecil, mencerminkan peningkatan keyakinan pasaran. Begitu juga dengan pasaran ekuiti ASEAN yang semakin matang dan canggih sejak 1997, di mana permodalan pasaran telah meningkat lebih sekali ganda bernilai USD600 bilion. Kini, ASEAN menawarkan potensi keuntungan kepada pelabur, berikutan kadar pertumbuhan ekonomi rantau ini yang dijangka pada sekitar 4% hingga 6% bagi 2005 dan 2006. Dasar makroekonomi telah digubal semula dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan dan pertumbuhan produktiviti, dimantapkan dengan pengurusan fiskal yang berhemat dan usaha memperluaskan asas-asas ekonomi serta mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan kepada sektor luar.

Pasaran Asia Tenggara menyumbang hanya 1.7% kepada keseluruhan permodalan global walaupun mempunyai kira-kira 10% daripada jumlah penduduk dunia dan menguasai hampir 15% daripada eksport global. Justeru, sekiranya pertumbuhan ekonomi dan jumlah penduduk China serta India dijadikan pengukur potensi masa depan, jelas sekali ASEAN mempunyai ruang dan peluang yang cerah untuk muncul sebagai satu kelas aset yang meyakinkan.

Ke Arah Indeks ASEAN

Setakat ini, usaha mempromosikan ASEAN sebagai satu kelas aset yang berdaya maju melibatkan pengenalanpastian satu kumpulan syarikat tersenarai yang terbaik di lima buah bursa utama rantau ini. Senarai syarikat-syarikat berpotensi akan menjadi penanda aras ASEAN melalui penubuhan satu Indeks ASEAN.

Bagi membolehkan Indeks ASEAN mendapat keyakinan dan penerimaan pelabur, penglibatan sektor swasta yang terdiri daripada bursa-bursa serantau, broker dan penerbit, serta penyedia indeks global adalah penting. Dalam hubungan ini, lima bursa saham ASEAN telah bersetuju untuk bekerjasama dengan penyedia indeks global yang berwibawa dan bebas untuk membangunkan Indeks ASEAN bagi memastikan kejayaannya.

Limpahan Faedah

Di samping menjadikan ekuiti ASEAN sebagai satu kelas aset yang menarik, gabungan syarikat-syarikat yang berprofil tinggi dalam Indeks ASEAN tersebut hendaklah diikuti dengan peningkatan piawaian tadbir urus serta akauntabiliti dan seterusnya menjadikan ASEAN sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik. Ini akan mempercepatkan proses pewujudan pasaran modal yang mempunyai jalinan hubungan dan saling berintegrasi. Seterusnya, ini akan meluaskan pendedahan syarikat serta memudahkan aliran masuk pelaburan ke rantau ini dan menggalakkan pelaburan intraserantau.

Indeks ini juga dijangka mendorong pembangunan produk lain yang berkaitan seperti *exchange traded funds* (ETF), indeks niaga hadapan, indeks waran atau produk lain berdasarkan kumpulan syarikat yang terbabit. Indeks *sub-tracker* yang lain seperti indeks telekomunikasi atau indeks perladangan ASEAN dijangka memudahkan pelaburan ke sektor pertumbuhan yang terpilih. Pembangunan produk-produk ini dijangka akan meningkatkan lagi kemahiran pengurusan aset di rantau ini.

Status

Dua indeks telah dibangunkan – Indeks ASEAN dan Indeks ASEAN 40 – dilancarkan semasa Seminar Pelabur Kedua Menteri-Menteri Kewangan ASEAN di London pada 21 September 2005. Indeks ASEAN, iaitu indeks penanda aras yang mewakili prestasi pasaran rantau ini mengandungi 180 syarikat daripada lima pasaran, iaitu Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Indeks ASEAN 40 yang mengandungi 40 syarikat daripada kesemua lima pasaran mewakili prestasi syarikat-syarikat terbesar rantau ini. Pewujudan kumpulan indeks ini adalah bagi urus niaga dan menjadi penanda aras produk kewangan lain seperti dana institusi dan runcit, ETF dan kontrak derivatif. Usaha sampingan lain yang dipertimbangkan termasuk pewujudan Dana Amanah Ekuiti ASEAN yang juga boleh disenaraikan serentak di bursa-bursa ASEAN.

Di Seminar Pelabur tersebut, risalah bertajuk, “ASEAN: Opportunities Set” turut diedarkan. Risalah ini berperanan untuk menonjolkan potensi peluang pelaburan di ASEAN, termasuk syarikat-syarikat baru dari negara-negara BCLMV¹ serta profil ringkas prestasi dan prospek ekonomi kesemua negara anggota ASEAN.

Bergerak Maju

Perbincangan sedang berjalan untuk mewujudkan jalinan yang lebih erat di kalangan bursa-bursa saham serantau, termasuk langkah ke arah mengintegrasikan pasaran, yang berupaya meningkatkan daya tarikan aset-aset ASEAN sebagai satu kelas aset yang tersendiri bagi pelabur-pelabur antarabangsa. Sejajar dengan usaha kerjasama tersebut, ASEAN juga sedang mengkaji kaedah untuk mengharmonikan piawaian dan mempercepatkan kerjasama kawalselia merentasi sempadan bagi memudahkan pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai di ASEAN yang semakin menepati ciri-ciri serantau.

Integrasi antara pasaran modal sudah semestinya membawa kepada jalinan antara pasaran sekuriti menjelang 2010, satu matlamat yang memerlukan peluasan akses merentasi sempadan. Berasaskan matlamat tersebut, adalah jelas bahawa potensi ASEAN ini adalah bersesuaian dengan tema Seminar Pelabur Menteri-Menteri Kewangan ASEAN tahun ini iaitu “ASEAN: Satu Rantau, Peluang Yang Tidak Terbatas.”

¹ Mengandungi negara-negara Brunei Darussalam, Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam.

Kerajaan juga memberi mandat kepada Cagamas untuk menjalankan penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan sebagai usaha mendalam dan meluaskan lagi pasaran modal tempatan. Sehubungan itu, Cagamas, menerusi anak syarikatnya Cagamas MBS Berhad telah melancarkan 2 terbitan RMBS. Portfolio pertama melibatkan RM1,555 juta RMBS diterbitkan pada Oktober 2004, sementara terbitan kedua pada Julai 2005 terdiri daripada RMBS berasaskan prinsip Islam berjumlah RM2,050 juta.

Sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2005, bilangan penarafan yang dikendalikan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** dan **Malaysian Rating Corporation (MARC)** meningkat kepada 112 terbitan bernilai RM33,451 juta (Januari-Julai 2004: 94 terbitan; RM27,010 juta). Bilangan penarafan PDS Islam meningkat ketara kepada 63 terbitan bernilai RM17,562 juta (Januari-Julai 2004: 35 terbitan, RM9,942 juta), mencerminkan minat yang lebih tinggi terhadap instrumen kewangan Islam. Penarafan kredit ke atas terbitan sekuriti bersandarkan aset (ABS) juga meningkat kepada 27 terbitan bernilai RM5,637 juta (Januari-Julai 2004: 20 terbitan; RM3,315 juta), menunjukkan pasaran ABS yang semakin berkembang berikutan inisiatif Kerajaan memperdalam dan memperluaskan pasaran modal tempatan. Penarafan yang dikendalikan kebanyakannya ke atas PDS dengan tempoh pegangan melebihi lima tahun iaitu mencakupi 71% daripada jumlah bilangan PDS yang dicadang. Sementara, sebahagian besar PDS yang ditaraf adalah dalam kategori A daripada berbagai sektor termasuk infrastruktur dan utiliti, perkhidmatan kewangan serta pembuatan dan perdagangan.

Bursa Malaysia


Prestasi kukuh berikutan keyakinan pelabur yang bertambah baik...

Prestasi Bursa Malaysia yang kukuh pada suku keempat 2004 telah berterusan pada awal tahun 2005 dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) melepasi paras tertinggi dalam empat setengah tahun pada 937 mata dalam bulan Januari. Walau bagaimanapun, pasaran mengalami penyusutan selaras dengan pasaran

serantau yang lain berikutan harga minyak yang tinggi dan pertumbuhan ekonomi global yang kurang memberangsangkan. Pasaran saham juga menerima kesan daripada jualan berlebihan saham murah pada bulan Mei berikutan penarikan balik pembiayaan saham oleh sesetengah bank. Ini mengakibatkan indeks papan kedua merudum kepada tahap terendah dalam tujuh tahun pada 81.75 mata, sementara indeks pasaran Mesdaq jatuh kepada 84.3 mata, tahap terendah dalam dua tahun. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran bertambah baik berikutan tindakan pantas Kerajaan mengembalikan integriti dan keyakinan pasaran serta jaminan berterusan oleh bank-bank tempatan untuk mengekal serta meningkatkan kemudahan pembiayaan pembelian saham. Pelabur juga menunjukkan respon yang positif terhadap langkah Kerajaan memansuhkan tambatan ringgit dengan KLCI melonjak ke paras tertinggi dalam lima tahun untuk ditutup pada 952.59 mata pada 3 Ogos dengan nilai pasaran berjumlah RM738.9 bilion. Walau bagaimanapun, arah aliran yang meningkat ini tidak dapat dikekalkan berikutan kebimbangan kesan harga

CARTA 4.8

Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

minyak yang melonjak ke paras tertinggi terhadap pertumbuhan ekonomi menyebabkan sentimen yang lebih berhati-hati di pasaran saham global dan serantau. Pada 16 September 2005, KLCI ditutup pada 921.99 mata dengan peningkatan 1.6% (akhir 2004: 907.43 mata), seperti *Carta 4.8*.

Dagangan di Bursa Malaysia meningkat kepada 74,817 juta unit (Januari-Ogos 2004: 742,323 juta unit), seperti *Jadual 4.15* dan *Carta 4.9*. Pasaran saham menarik penyertaan pelabur asing yang lebih tinggi, merangkumi 34.5% daripada aktiviti dagangan sepanjang tempoh tersebut. Pelaburan dana asing didorong oleh beberapa perkembangan positif termasuk keteguhan ekonomi Malaysia, penambahbaikan berterusan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan liberalisasi perkhidmatan kewangan. Dari segi sektoral, sektor perladangan mencatatkan prestasi terbaik dengan kenaikan 6.4% dalam indeks perladangan disokong oleh pendapatan syarikat perladangan yang lebih baik, seperti *Jadual 4.16*. Indeks Pasaran Mesdaq merosot lebih kurang 26%, kesan daripada kitaran menurun sektor teknologi terutamanya dalam segmen semi-konduktor.

JADUAL 4.16

Bursa Malaysia: Prestasi Indeks Terpilih

Indeks	Akhir Disember 2004	Akhir Julai 2005	Perubahan (%)
Komposit	907.4	913.6	0.7
EMAS	214.3	208.2	-2.8
Papan Kedua	110.9	88.4	-20.3
Pasaran MESDAQ	122.8	90.5	-26.3
Barangan industri	85.1	78.2	-8.1
Barangan pengguna	232.2	224.3	-3.4
Dagangan/perkhidmatan	131.9	131.9	0
Harta	717.0	599.1	-16.4
Industri	1,965.6	1,983.0	0.9
Kewangan	7,462.9	7,378.8	-1.1
Pembinaan	171.3	145.6	-15.0
Perladangan	2,417.1	2,571.2	6.4
Perlombongan	361.2	370.1	2.5
Syariah	133.8	130.8	-2.2
Teknologi	43.1	29.5	-31.6

Sumber: Bursa Malaysia dan Bloomberg.

JADUAL 4.15

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih Januari-Ogos

	2004	2005
Indeks harga¹		
Komposit	828.0	913.6
Emas	196.9	208.2
Papan Kedua	109.2	88.4
Pasaran MESDAQ	115.5	90.5
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	72,322.7	74,817.0
Nilai (RM juta)	147,797.6	127,021.6
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	441.0	456.2
Nilai (RM juta)	901.2	774.5
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	654,260.3	704,361.7
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	145.5	144.5
Jumlah syarikat disenaraikan¹	944	1,003
Papan Utama	614	639
Papan Kedua	280	272
Pasaran MESDAQ	50	92
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/nilai pasaran (%)	22.6	18.0
Jumlah urus niaga/jumlah sekuriti disenaraikan (%)	25.5	23.4
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran/ tertinggi nilai pasaran (%)	34.2	36.4
Purata modal berbayar syarikat broker saham ¹ (RM juta)	174.7	170.6


¹ Pada akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran semasa tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber penting bagi sektor swasta memperoleh dana. Sejumlah 58 IPO diterbitkan pada sepanjang tempoh tersebut, dengan kebanyakannya mencatatkan lebihan langganan menandakan terdapat minat pelabur yang tinggi dalam penyenaian baru. Bilangan firma kecil yang memperoleh dana

CARTA 4.9

Bursa Malaysia: KLCI dan Jumlah Urus Niaga

Sumber: Bursa Malaysia.

menerusi pasaran ekuiti lebih tinggi dengan 31 di pasaran Mesdaq dan 16 di Papan Kedua berbanding 11 syarikat di Papan Utama. Pada tempoh tujuh bulan pertama 2005, dana yang diperoleh meningkat lebih dua kali ganda kepada RM4,228 juta (Januari-Julai 2004: RM1,577 juta). Dengan 1,003 syarikat tersenarai pada akhir Ogos 2005, Bursa Malaysia menduduki tangga ketiga di Asia Timur (tidak termasuk Jepun) dari segi penyenaaran di bursa saham.

Industri Unit Amanah

Populariti unit amanah sebagai instrumen pelaburan semakin meningkat...


Industri unit amanah mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan peningkatan jumlah unit dalam edaran, bilangan akaun dan dana amanah pada tujuh bulan pertama 2005, mencerminkan peningkatan populariti unit amanah sebagai instrumen pelaburan. Pasaran menyaksikan 33

dana baru dilancarkan sepanjang tempoh tersebut (2004: 62 dana), menjadikan jumlah keseluruhan dana unit amanah kepada 306, seperti *Jadual 4.17* dan *Carta 4.10*. Nilai aset bersih (NAV) industri meningkat sebanyak 6.8% kepada RM93,299 juta (akhir 2004: RM87,385 juta) selaras dengan prestasi pasaran saham yang bertambah baik.

Segmen unit amanah Islam semakin berkembang kepada 72 dana Islam pada akhir Julai 2005 (akhir 2004: 65 dana Islam), mencerminkan permintaan pasaran yang kukuh terhadap produk kewangan Islam. NAV dana Islam meningkat sebanyak 12.7% kepada RM7,621 juta (akhir 2004: RM6,760 juta), mencakupi 8.2% daripada jumlah NAV industri unit amanah. Terdapat potensi yang besar bagi industri unit amanah untuk terus berkembang lebih pesat memandangkan tahap penembusan pasaran yang diukur menerusi nisbah NAV kepada nilai pasaran saham, kekal rendah pada 12.9% pada akhir Julai 2005. Langkah liberalisasi yang

CARTA 4.10

Industri Unit Amanah: NAV, Unit dalam Edaran dan Jumlah Dana

¹ Pada akhir Julai 2005.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

membenarkan syarikat unit amanah untuk melabur 10% daripada NAV di luar negara pada April 2004 dan had ini kemudian ditingkatkan kepada 30% pada April 2005, telah membolehkan pelabur Malaysia untuk mempelbagaikan lagi portfolio mereka. Pada akhir Julai 2005, 34 dana berjumlah RM207 juta telah dilancar untuk dilaburkan di pasaran luar negara.

Satu perkembangan positif dalam industri pengurusan dana adalah pengenalan amanah pelaburan hartanah (REIT) yang menggunakan khidmat kumpulan pengurusan profesional membeli, membangun, mengurus dan menjual aset harta tanah dengan menerbitkan saham biasa kepada orang awam. Pengenalan REIT dapat menyumbang kepada pembangunan pasaran modal di Malaysia kerana disamping memberikan peluang pelaburan alternatif kepada pelabur, ia juga dapat meningkatkan kecairan nilai harta tanah. Kerajaan juga telah memberi layanan cukai yang menarik untuk REIT dalam Bajet 2005, termasuk pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit dan kredit cukai untuk pendapatan terkumpul yang telah dikenakan cukai dan diagihkan kemudiannya. Pada akhir Ogos 2005, empat REIT telah disenaraikan di Bursa Malaysia.

JADUAL 4.17

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2004			Akhir Julai 2005		
	Dana yang disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana yang disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	10	26	36	10	26	36
Jumlah dana unit amanah ¹	35	238	273	35	271	306
Konvensional	29	179	208	29	205	234
Berasaskan prinsip Islam	6	59	65	6	66	72
Unit dalam edaran (juta)	53,716	64,911	118,627	55,082	73,427	128,509
Bilangan akaun (juta)	8.745	1.680	10.425	8.839	1.777	10.616
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	50,090	37,295	87,385	52,059	41,240	93,299
Konvensional	49,651	30,974	80,625	51,642	34,036	85,678
Berasaskan prinsip Islam	439	6,321	6,760	417	7,204	7,621
NAV/Nilai pasaran Bursa Malaysia (%)	6.94	5.17	12.11	7.18	5.69	12.87

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Pasaran Derivatif

Jumlah urus niaga lebih rendah bagi niaga hadapan KLCI dan CPO...

Prestasi produk yang didagangkan di **Bursa Malaysia Derivatif** pada umumnya kurang memberangsangkan pada tempoh lapan bulan pertama 2005 dengan jumlah dagangan berkurangan sebanyak 7.1% kepada 1,652,821 kontrak (Januari-Ogos 2004: 42.6%; 1,778,446 kontrak). Niaga hadapan minyak kelapa sawit mentah (CPO) kekal sebagai produk paling aktif diniagakan dengan merangkumi lebih kurang separuh daripada keseluruhan jumlah urus niaga. Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan dalam pasaran fizikal minyak kelapa sawit, dagangan niaga hadapan CPO lebih rendah dengan jumlah urus niaga merosot 12.2% kepada 794,600 kontrak (Januari-Ogos 2004: -0.4%; 905,183 kontrak). Harga purata niaga hadapan CPO berkurang 21.1% kepada RM1,388 setan metrik bagi lapan bulan pertama 2005 (Januari-Ogos 2004: RM1,759 setan metrik), disebabkan oleh peningkatan pengeluaran CPO dan harga minyak soya yang rendah di pasaran dunia.

Prestasi niaga hadapan KLCI juga lemah dengan jumlah urus niaga berkurangan sebanyak 2.3% kepada 735,993 kontrak (Januari-Julai 2004: 409%; 753,174 kontrak). Prestasi lembab niaga hadapan KLCI adalah disebabkan oleh penyertaan pelabur yang berkurangan di pasaran niaga hadapan dalam separuh pertama 2005 berikutan volatiliti tanda aras KLCI yang rendah pada sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, pasaran kembali aktif pada Julai dan Ogos disebabkan peningkatan minat pelabur di pasaran ekuiti. Prestasi niaga hadapan kewangan lebih baik, dengan dagangan niaga hadapan 3-bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) mencatatkan peningkatan 9.4% kepada 108,751 kontrak (Januari-Julai 2004: 19.2%, 99,434 kontrak), disebabkan mudah tunai berlebihan dalam pasaran tunai antara bank di samping pasaran menjangkakan kenaikan kadar faedah domestik pada separuh kedua 2005. Jumlah dagangan niaga hadapan SKM, bagaimanapun, menurun 33.4% disebabkan oleh terbitan SKM yang terhad di pasaran.

Kemajuan Pelaksanaan Pelan Induk Pasaran Modal

Kemajuan ketara dengan lebih 60% perakuan CMP selesai dilaksanakan...

Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) yang dilancarkan pada 2001 memasuki fasa kedua pelaksanaan pada 2004. Di bawah Fasa II CMP (2004-2005), usaha digiatkan ke arah mengukuhkan sektor utama dalam pasaran modal, menggalakkan kecekapan pasaran melalui penggunaan teknologi dalam proses pasaran dan meningkatkan liberalisasi akses pasaran. Pada akhir Julai, 63% daripada 152 perakuan telah dilaksanakan sepenuhnya sementara bakinya sedang di peringkat pelaksanaan.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi perantara domestik, batasan bagi pembukaan cawangan dan rangka kerja modal telah dilonggarkan bagi membolehkan syarikat broker saham menawarkan perkhidmatan nasihat korporat yang lengkap. Sementara itu, industri pengurusan pelaburan domestik mempunyai prospek yang lebih cerah dengan kelonggaran syarat pelaburan baru-baru ini yang membenarkan syarikat pengurusan dana melabur sehingga 30% NAV dana pemastautin ke luar negara. Disamping itu, jumlah dana KWSP yang boleh disumber keluar kepada syarikat pengurusan dana tempatan ditambah kepada RM6 billion untuk tempoh tiga tahun akan datang. Had pelaburan industri takaful juga telah diliberalisasikan untuk memudahkan lagi pengemblengan dana takaful ke dalam pasaran modal Islam.

Bagi memperkukuh kedudukan pasaran modal Malaysia dalam lanskap kewangan global, Kerajaan telah membenarkan lebih banyak penyertaan asing dalam industri broker saham, broker niaga hadapan, pengurusan dana dan modal teroka. Sehingga 23 September 2005, dua syarikat broker saham asing telah memulakan operasi sementara tiga lagi dijangka memulakan operasi sebelum akhir tahun. Manakala, satu syarikat pengurusan dana asing telah juga memulakan operasi dalam pasaran domestik. Bagi industri broker niaga hadapan pula, tiga syarikat broker niaga hadapan asing telah mendapatkan kelulusan untuk menjadi peserta dagang Bursa Malaysia Derivatif.

Langkah-langkah Utama Pasaran Modal

Usaha penambahbaikan berterusan melalui binaupaya, meninggikan standard prestasi dan peningkatan kecekapan...

Langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tujuh bulan pertama 2005 bertujuan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal dan proses perantaraan serta meningkatkan pembangunan kapasiti. Langkah-langkah tersebut termasuk:

Penstrukturan Semula Bursa Saham

- Pada 18 Mac 2005, Bursa Malaysia telah disenaraikan di Papan Utama. Penyenaraian tersebut melengkapkan proses penstrukturan semula bursa saham yang melibatkan konsolidasi, demutualisasi dan penyenaraian bursa saham. Langkah penstrukturan semula tersebut bertujuan meningkatkan kecekapan pasaran modal dan daya saing.

Meningkatkan Binaupaya

- Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) telah ditubuhkan pada November 2004 untuk membangun dan mempromosikan pasaran modal Malaysia. CMDP diperuntukkan 30% nilai bursa saham selepas demutualisasi. Antara matlamat CMDP adalah bagi membantu dalam membinaupaya dari segi kemahiran, pengetahuan, penyelidikan dan pendidikan untuk meningkatkan standard kepakaran serta profesionalisme. Pada Januari 2005, projek pertama CMDP iaitu CMDP-Skim Penyelidikan Bursa (CBRS) telah dilancarkan untuk meluaskan liputan dan meningkatkan profil syarikat tempatan. Kini, skim tersebut disertai 100 syarikat dengan dianalisis oleh sepuluh firma penyelidikan. Laporan CBRS ini dijangka merangsang lagi minat di kalangan pelabur serta meluaskan asas dagangan harian yang meliputi pelbagai kaunter.

Memperbaiki Kualiti Syarikat Awam Tersenarai

- Pada 1 Januari, Nota Garis Panduan berkaitan Polisi dan Garis Panduan mengenai Terbitan/Tawaran Sekuriti telah dikeluarkan untuk memudahkan suntikan aset ke dalam syarikat tersenarai yang bermasalah. Antara lain, nota garis panduan tersebut juga melonggarkan syarat berkaitan pemerolehan aset asing oleh syarikat Malaysia.

Mengukuhkan Pasaran Bon

- Pada 28 Mac, Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan (NBMC) memansuhkan batasan bagi penggunaan perolehan daripada terbitan bon, kecuali yang berkaitan dengan keperluan tukaran asing dalam Garis Panduan Kawalan Tukaran Asing BNM berkenaan PDS untuk *Lead Arrangers*. Pemansuhan batasan ini akan menggalakkan lebih banyak penerbitan bon bagi membiayai projek pembangunan harta tanah.
- Pada 31 Mac, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BNM mengeluarkan Nota Maklumat untuk memudahkan penerbitan bon ringgit di Malaysia oleh bank pembangunan atau institusi kewangan pelbagai hala.
- Pada 6 April, SC mengeluarkan Nota Amalan Penawaran PDS untuk memudahkan penerbitan instrumen deposit boleh runding yang mempunyai tempoh pegangan lebih daripada lima tahun oleh institusi berlesen atau bank Islam.

Mempermudahkan Pengenalan Produk Baru

- Pada 3 Januari, Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) telah dikeluarkan dalam usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan serta mewujudkan industri REIT yang berdaya maju dan kompetitif di Malaysia. Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah bertarikh 13 November 2003.
- Pada 28 Jun, Garis Panduan *Exchange Traded Funds* (ETF) telah dikeluarkan untuk memudahkan pengenalan ETF sebagai instrumen pelaburan yang baru. Selain meningkatkan kepelbagaian produk dalam pasaran modal, ETF dijangka meningkatkan kecairan dalam pasaran ekuiti.

Meningkatkan Kapasiti dan Kemampuan

- Pada 1 Julai, BNM dan SC telah menerbitkan Garis Panduan Bank Pelaburan. Garis panduan tersebut menggariskan ciri utama rangka kerja bank pelaburan termasuk proses dan prosedur bagi penubuhannya, skop aktiviti yang boleh dijalankan serta rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan bersama oleh BNM dan SC. Penubuhan bank pelaburan melibatkan integrasi dan rasionalisasi bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun ke dalam satu kumpulan perbankan. Entiti yang terlibat dalam proses rasionalisasi diberikan tempoh satu tahun dari 1 Julai 2005 untuk menjadi bank pelaburan. Penyertaan ekuiti asing dalam bank pelaburan juga ditingkatkan kepada 49% daripada 30% bagi mengukuhkan rangkaian global. Pewujudan bank pelaburan adalah untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan peserta pasaran modal domestik bersaing dalam persekitaran globalisasi dan liberalisasi yang semakin meningkat.

Memperkuatkan Perantara Pasaran

- Pada 17 Februari, SC telah meminda peraturan sekuriti untuk memudahkan pelancaran Sistem Permohonan Pelesenan Elektronik (ELA). ELA membolehkan permohonan dan pembaharuan lesen perantara pasaran modal dibuat melalui Internet.
- Pada 15 Mac, Garis Panduan Fungsi Pematuhan Pengurus Dana telah dikeluarkan untuk para pengurus dana bagi mengukuhkan tahap perlindungan pelabur dan menggalakkan integriti pasaran. Garis panduan ini menghendaki pengurus dana, antara lain, patuh kepada Akta Pengubahan Wang Haram 2001 dan amalan terbaik untuk pengurusan dagangan dan portfolio. Pengenalan garis panduan ini akan membantu pengurus dana untuk mengukuhkan kawalan dalaman dan meningkatkan standard keseluruhan etika dan tata laku berhemat dalam industri pengurusan pelaburan. Semua pengurus dana diberi tempoh tangguh satu tahun untuk mematuhi keperluan garis panduan ini.
- Pada 25 Mac, SC telah mengumumkan kelonggaran tambahan bagi syarikat broker saham yang telah bergabung dengan sekurang-kurangnya satu lagi syarikat broker saham lain dan mempunyai dana pemegang saham sekurang-kurangnya RM100 juta. Syarikat broker saham ini dibenarkan untuk menawarkan khidmat nasihat korporat yang lengkap, menjalankan aktiviti pembrokeran niaga hadapan dalam entiti broker saham tersebut serta membuka cawangan tanpa batasan bermula 2006.
- Pada 28 April, Garis Panduan Nota E-Kontrak telah diterbitkan untuk memberikan garis panduan kepada broker saham mengenai langkah perlindungan minimum yang perlu dilaksanakan sebelum menawarkan pilihan kepada pelanggan untuk menerima nota kontrak secara elektronik.

- Pada 29 Jun, Prinsip Panduan untuk Pensumberan Keluar bagi Fungsi *Backoffice* untuk Perantara Pasaran Modal telah diterbitkan untuk memudahkan perantara pasaran menjadi lebih cekap, mengurangkan beban pentadbiran dan mencapai keberkesanan kos operasi dengan membenarkan pensumberan keluar fungsi *backoffice* oleh perantara kepada penyedia perkhidmatan luar. Fungsi *backoffice* tersebut, jika tidak disumber keluar akan dijalankan oleh kakitangan perantara itu sendiri.
- Pada 29 Jun, Garis Panduan Mengenai Pelaksanaan Fungsi Pengawasan di Peringkat Kumpulan bagi Perantara Pasaran Modal telah diterbitkan. Garis panduan ini membenarkan fungsi pengawasan yang pada masa ini dijalankan di peringkat perantara untuk dilaksanakan di peringkat kumpulan, tertakluk kepada syarat tertentu.
- Pada 18 Julai, BNM menerbitkan Garis Panduan Akses ke Pasaran Antara Bank oleh Broker Universal yang membenarkan broker universal untuk mengambil bahagian dalam pasaran wang antara bank, tertakluk kepada keperluan berhemat yang perlu dipatuhi.

Menggalakkan Industri Modal Teroka

- Pada 14 April, Garis Panduan Pensijilan Tahunan Insentif Cukai bagi Industri Modal Teroka yang disemak semula telah dikeluarkan yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003. Semakan semula peraturan tersebut bertujuan membantu industri modal teroka mengemukakan permohonan pensijilan tahunan kepada SC untuk menikmati insentif cukai yang disediakan kepada sektor ini iaitu pengecualian cukai untuk syarikat modal teroka dan potongan cukai bagi syarikat atau individu yang menyediakan pembiayaan modal teroka, tertakluk kepada kriteria tertentu.

Meningkatkan Perlindungan Pelabur

- Pada 28 Februari, SC telah mengeluarkan Panduan Bahasa Mudah bagi Prospektus untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris yang mudah dalam prospektus supaya pelabur dapat memahami maklumat penting dan membuat keputusan pelaburan yang bijak.

Liberalisasi Akses Pasaran

- Pada 29 April, semakan telah dibuat ke atas Garis Panduan untuk Peniaga dan Wakil Peniaga serta Garis Panduan Pengurus Dana dan Wakil Pengurus Dana di bawah Akta Industri Sekuriti 1983. Semakan semula tersebut adalah untuk memudahkan pelesenan broker saham milik penuh asing dan syarikat pengurusan dana yang telah dibenarkan untuk beroperasi di Malaysia berikutan langkah liberalisasi yang diumumkan dalam Bajet 2005 yang membolehkan lima syarikat broker saham asing dan lima pengurus dana asing untuk beroperasi di Malaysia.

Memudahkan Proses Penyenaraian

- Berkuat kuasa 1 Januari, SC akan meluluskan semua permohonan untuk penyenaraian dan cadangan korporat di pasaran MESDAQ sementara Bursa Malaysia akan terus meluluskan kemasukan dalam Senarai Rasmi dan sebut harga untuk dagangan sekuriti di pasaran MESDAQ.
- Pada 14 Februari, pindaan telah dibuat ke atas syarat penyenaraian dan syarat penyenaraian pasaran MESDAQ untuk memudahkan perpindahan syarikat tersenarai di Papan Kedua dan MESDAQ ke Papan Utama.
- Pada 28 Jun, satu Nota Amalan telah dikeluarkan untuk menjelaskan keperluan Garis Panduan Prospektus Tawaran Awam berkaitan penyenaraian yang mempunyai operasi asing/subsidiari/ syarikat bersekutu atau syarikat yang terlibat dengan perolehan sekuriti dan aset asing.

Di samping itu, bank pembangunan dan institusi kewangan pelbagai hala kini dibenarkan untuk menerbitkan bon ringgit dalam pasaran modal domestik. Sehingga kini, tiga institusi supranasional telah menerbitkan bon ringgit berjumlah RM1,660 juta (Bank Pembangunan Asia, RM400 juta; International Finance Corporation, RM500 juta; dan Bank Dunia, RM760 juta). Penerbitan bon ini menyokong pertumbuhan dan pembangunan pasaran bon Malaysia serta mencerminkan keyakinan organisasi antarabangsa terhadap pasaran modal domestik. Sementara itu, usaha untuk menjadikan pasaran modal Islam bertaraf antarabangsa telah ditingkatkan dengan termeterainya dua memorandum persefahaman (MOU) antara Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) dengan International Islamic Financial Market (IIFIM) dan Bahrain Stock Exchange (BSE). MOU ini akan mengukuhkan kedudukan LFX sebagai bursa kewangan antarabangsa yang dapat menjadi penghubung bagi keperluan instrumen kewangan Islam antara Eropah, Timur Tengah dan Asia.

Prospek 2006

Dasar monetari untuk terus menyokong pertumbuhan, dibantu pasaran kewangan yang berdaya saing dan cekap...

Dasar monetari Malaysia pada 2006 akan mengambilkira perkembangan global dan domestik serta akan terus memberi tumpuan bagi memastikan keadaan monetari yang kekal optimal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan serta kestabilan harga. Faktor-faktor asas yang menyokong ekonomi Malaysia pada 2005 akan terus kekal pada 2006 dengan penggunaan dan pelaburan swasta terus memacu aktiviti ekonomi. Bagi mengawal inflasi, Kerajaan akan terus memantau keadaan ekonomi untuk menghindari sebarang kemungkinan peningkatan inflasi di samping memaksimumkan potensi pertumbuhan ekonomi. Asas-asas ekonomi Malaysia yang teguh, pasaran kewangan yang cekap dan prestasi dasar berhemat yang mantap memberikan asas kukuh untuk dasar monetari dilaksanakan dengan efektif.

Sistem perbankan yang lebih teguh dan berdaya tahan bersedia untuk memenuhi keperluan

pembiayaan ekonomi yang semakin meningkat serta menangani persaingan yang meningkat. Berikutan usaha menyusun semula aktiviti dan struktur institusi IKP, terutamanya dengan penubuhan SME Bank, IKP kini dapat memberikan tumpuan yang lebih besar dalam memberi sokongan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor ekonomi strategik yang dikenali, terutamanya PKS. Pertumbuhan industri insurans dijangka terus didorong oleh permintaan kukuh terhadap produk berkaitan pelaburan dan insurans endowment.

Perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia bersedia untuk berkembang lebih pesat melalui transformasi jendela perbankan Islam domestik menjadi subsidiari Islam serta kemasukan peserta asing. Kehadiran institusi kewangan Islam asing serta penyertaan ekuiti asing yang lebih tinggi dalam subsidiari Islam domestik dijangka menggalakkan lagi persaingan dan mempercepatkan integrasi global sistem perbankan Islam Malaysia. Sementara itu, sesetengah institusi kewangan Malaysia sedang giat berusaha menjadi peserta kewangan yang penting melalui penglibatan mereka di pasaran serantau serta rancangan untuk menerokai kawasan pasaran baru seperti di Timur Tengah.

Pasaran modal akan terus kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting bagi ekonomi negara. Dengan selesainya penstrukturan semula kewangan di Malaysia, terbitan PDS dijangka sebahagian besarnya digunakan untuk pengembangan perniagaan dan aktiviti baru selaras dengan pelaburan swasta yang semakin meningkat. Penerbitan ABS akan terus meningkat dengan disokong oleh pensekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Inisiatif semasa yang lain akan terus menggalakkan pembangunan pasaran modal Malaysia, seperti cadangan kerjasama Bursa Malaysia-Singapore Exchange, platform dagangan bersama untuk ekuiti dan derivatif dan bursa elektronik untuk dagangan bon serta pewujudan siri indeks serantau yang melibatkan lima bursa saham Asean, termasuk Bursa Malaysia. Sementara itu, kerjasama ekonomi dan kewangan serantau di bawah Inisiatif Pasaran Bon Asean (ABMI) dijangka akan mempercepatkan usaha menerokai pensekuritan dan penerbitan bon merentasi sempadan.